



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN
Parliament KETUJUH
Seventh **PENGGAL**

Session **PERTAMA**

First

Jilid I

Bil. 8

Hari Rabu

10hb Disember, 1986

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1987

(Ruangan 34)

USUL:

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan
daripada Peraturan Mesyuarat**

(Ruangan 111)

DN.10.12.86

MAIAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 10hb Disember, 1986

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Ishak bin Abdul Rahman.

Datuk Haji Ishak bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan No.1 yang tersebut telahpun dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri pada 4hb Disember, 1986. Terima kasih.

BIL TELEFON - RUNGUTAN

2. Puan Aion binti Ariffin minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) adakah Kementerian ini sudah mengambil tindakan wajar mengenai rungutan ribuan rakyat yang teranianya akibat membayar bil telefon tanpa dipakai yang kian menjadi-jadi sehingga kini; dan
- (b) sedarkah Kementerian ini pembayaran bil telefon melalui Pejabat Pos setempat atau Kedai Telekom lewat diterima oleh pihak Telekom Pusat menyebabkan potongan telefon selalu berlaku walaupun bayaran telah dijelaskan. Kalau sedar, apakah tindakan yang telah dijalankan, supaya pengguna-pengguna telefon tidak terus teranianya.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Tenaga Telekom dan Pos memang sentiasa memandang serius terhadap rungutan rakyat yang

teraniaya yang dikatakan akibat bil telefon yang tinggi. Setakat ini pihak kami telah menjalankan penelitian terhadap setiap rungutan itu dengan mengadakan penyiasatan yang wajar ke atasnya.

Sehubungan dengan ini, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos telah banyak memberi jawapan dan penjelasan terhadap soalan-soalan seumpama ini yang dikemukakan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara ataupun melalui surat-surat persendirian.

Baru-baru ini Yang Berhormat Senator Chan Choong Tak telah menyentuh mengenai perkara ini semasa perbahasan atas Titah Di-Raja dan Yang Berhormat Senator Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim pula telah membangkitkan perkara yang sama semasa perbahasan atas Belanjawan 1987.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, di samping tindakan-tindakan tersebut pihak Jabatan Telekom sendiri telahpun melancarkan satu projek perintis yang dikenal sebagai "itemised billing system", dengan izin, ataupun "sistem bil lengkap" disekitar ibusawat di Kuala Lumpur dan beberapa buah ibusawat di Pulau Pinang, Johor Bharu sejak awal tahun 1986 lagi. Hasil dari penyiasatan yang dijalankan berdasarkan kepada itemised billing itu setakat ini tidak ada sebarang bukti yang menunjukkan penyelewengan bil telefon tinggi dilakukan oleh mana-mana pihak seperti yang pernah didakwa oleh orangramai.

Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos juga sedar bahawa terdapat kes-kes di mana pembayaran bil telefon melalui Pejabat Pos Setempat atau Kedai Telekom lewat diterima oleh pihak Telekom Pusat menyebabkan potongan telefon berlaku walaupun bayarannya telahpun dijelaskan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua pembayaran yang dibuat dalam tempoh masa yang ditetapkan mengikut peraturan pembayaran yang tercatat dalam bil telefon, tidak pernah menimbulkan sebarang masalah kelewatan dalam mengkraditkan kira-kira bil telefon pelanggan. Sehingga setakat ini segala pembayaran bil-bil telefon melalui kedai Telekom tidak pernah menimbulkan sebarang kelewatan jika dijelaskan mengikut tempoh yang ditetapkan.

Tetapi bagi pembayaran yang dibuat melalui Pejabat Pos Setempat, memang tidak dapat dinafikan kelewatan ini mungkin berlaku di atas sebab-sebab seperti berikut:-

- (1) penerimaan bayaran mengikut sistem manual ataupun peresit;
- (2) kelewatan menyerahkan resit pembayaran ke Bahagian Akaun Pusat, Jabatan Telekom sendiri;
- (3) kesilapan menulis nombor telefon pada resit pembayaran.

Walau bagaimanapun ia tidaklah begitu serius jika pihak pengguna membuat pembayaran bil telefon mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan itu. Cuma masalah yang dihadapi sekarang ialah kelalaian pihak pengguna yang sering membuat pembayaran di luar tarikh yang ditetapkan atau setelah mereka menerima notis pemotongan sementara atau telefon itu sendiri telahpun dipotong sementara.

Datuk Nasir bin Haji Manap: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dalam masalah bayaran tinggi bil telefon, saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat yang telah menjalankan penyiasatan yang wajar. Dalam masalah ini apabila sebarang masalah yang timbul tidakkah boleh Kementerian yang berkenaan menyenaraikan panggilan-

panggilan telefon yang telah dibuat oleh pelanggan-pelanggan dalam bulan-bulan yang berkenaan dan bayarannya sekali. Kalau ini dapat dilaksanakan, saya rasa akan memberi kepuasan kepada pelanggan-pelanggan.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya nyatakan dalam jawapan saya tadi satu pendekatan akan dibuat oleh Jabatan Telekom Malaysia yang pada 1hb Januari, 1987 nanti akan dikenali sebagai . Syarikat Telekom Malaysia yang akan mengendalikan sistem yang saya katakan "itemised billing system". Dalam "itemised billing system" ini para pengguna telefon di-sebahagian daripada ibusawat-ibusawat yang menggunakan komputer akan mendapat kemudahan ini dan akan mengetahui laporan yang lengkap daripada tarikh, waktu yang dipanggil, masa yang digunakan dan bayaran yang dibayar.

Tetapi kita tidak dapat menjalankan sistem komputer ini di seluruh negara dan insya Allah, kalau keadaan ekonomi Syarikat Telekom sendiri baik dan pendekatan yang kita rancangkan ini boleh memuaskan hati penduduk, saya percaya perancangan ini dapat kita buat dalam satu jangka masa panjang yang akan meliputi seluruh pengguna-pengguna telepon di tanahair kita.

SIJIL KELAYAKAN DUDUK - PENGELUARAN

3. **Tuan Tay Chee King** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada pihak Kementerian sedar Surat Perjanjian Jualan yang telah diluluskan oleh Kerajaan untuk digunakan oleh pemaju-pemaju rumah telah membawa banyak kerumitan dan masalah kepada pembeli-pembeli rumah oleh kerana rumah-rumah yang telah disiapkan oleh pemaju-pemaju rumah tiada Sijil Kelayakan Menduduki. Oleh yang demikian pembeli-pembeli rumah itu tidak dapat menduduki rumah mereka; adakah Kerajaan mengambil langkah untuk memindahkan Surat Perjanjian Jualan ini supaya terpaksa pemaju-pemaju rumah mendapatkan Sijil Kelayakan Menduduki semasa menyerahkan rumah kepada pembeli-pembeli rumah.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Puan Napsiah binti Omar]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedar bahawa pembeli-pembeli rumah menghadapi masalah apabila pemaju-pemaju perumahan menyerahkan rumah tanpa Sijil Kelayakan Duduk. Dengan kesedaran tersebut maka Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telahpun mengkaji perkara ini dengan teliti dan didapati bahawa pengeluaran Sijil Kelayakan Duduk adalah di luar kawalan pemaju perumahan. Tetapi sekiranya segala syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang dikenakan kepada pemaju oleh sesebuah Penguasa Tempatan dipatuhi oleh pemaju, maka Penguasa Tempatan tiada keberatan untuk mengeluarkan Sijil Kelayakan Duduk ataupun tidak ada sebabnya kenapa Penguasa Tempatan tidak dapat mengeluarkan CFO serentak bila rumah-rumah itu telah siap dibina.

Walau bagaimanapun, Kementerian sentiasa mengkaji peraturan pemaju perumahan supaya sesuai dengan perkembangan industri perumahan. Dan Kementerian juga telah mengambil langkah-langkah yang tertentu seperti mengeluarkan garis panduan berhubung dengan Sijil Kelayakan Duduk supaya prosedur dan proses pengeluaran Sijil Kelayakan Duduk oleh Penguasa-penguasa Tempatan dapat dilicinkan dan dimudahkan bagi pengeluarannya. Dengan yang demikian adalah diharapkan bahawa pemaju-pemaju dapat menyerahkan rumah-rumah kepada pembeli bersama dengan Sijil Kelayakan Duduk.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan R.M. Jasni.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan ke 4.

AKTA SEWA/BELI - KAJIAN

4. **Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk mengkaji atau memperkemaskan lagi Akta Sewa/Beli untuk melindungi para pelanggan yang sebahagiannya telah dieksploitasi oleh syarikat-syarikat sewa/beli.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian [Dato Kok Wee Kiat]: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kerajaan berpendapat Akta Sewa/Beli 1967 mempunyai peruntukan yang cukup untuk melindungi kepentingan pihak-pihak yang terlibat dalam Perjanjian Sewa/Beli dan dengan yang demikian, Kerajaan tidak bercadang untuk meminda Akta tersebut. Akan tetapi Kerajaan akan terus mengkaji undang-undang yang berkenaan dan sekiranya didapati perlu untuk memperkemaskan lagi perlindungan terhadap para pelanggan, pindaan-pindaan yang sewajarnya akan dibuat pada undang-undang tersebut.

PINJAMAN PERUMAHAN

5. **Tuan G. Rajoo** minta Menteri Kewangan menyatakan:
- (a) sama ada beliau sedar potongan pinjaman perumahan bagi kakitangan Kerajaan dijalankan walaupun rumah mereka masih belum siap untuk diduduki;
 - (b) sama ada beliau sedar potongan bayaran balik pinjaman dilakukan ke atas semua pinjaman yang diluluskan (total loans approved) walaupun Kerajaan hanya mengeluarkan sebahagian wang sahaja kepada pemaju melalui si peminjam;
 - (c) sama ada beliau bercadang mengurangkan potongan ansuran sejajar dengan jumlah wang dikeluarkan oleh Kerajaan sahaja dan menaikannya apabila mengeluarkan wang Kerajaan kepada pemaju; dan
 - (d) langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan kakitangan Kerajaan yang menghadapi masalah akibat potongan balik ini, tanpa mereka menduduki rumah yang dibeli itu.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Kewangan sedar bahawa ada kes di mana potongan pinjaman perumahan dibuat walaupun rumah belum siap. Potongan pinjaman dibuat sebaik sahaja bayaran 95% dikeluarkan atau pada bulan kesembilan belas selepas tarikh bayaran pertama dikeluarkan mengikut mana yang terdahulu.
- (b) Kerajaan sedar potongan pinjaman dibuat berdasarkan kepada kelulusan pinjaman dan tidak berdasarkan kepada jumlah yang dikeluarkan. Biasanya hanya bagi projek

perumahan yang tergendala atau ditinggalkan oleh pemaju, potongan pinjaman dibuat tanpa pemohon dapat menduduki rumah. Potongan dibuat selepas 18 bulan dikira daripada tarikh bayaran pertama dikeluarkan. Tempoh tersebut adalah satu tempoh yang sesuai dan memadai untuk pemaju perumahan menyempurnakan projek-projek mereka dan potongan baru mula dibuat.

- (c) Kerajaan tidak bercadang mengurangkan ansuran sejajar dengan jumlah wang yang dikeluarkan dan menaikkan apabila semua wang dikeluarkan kerana:
- (i) dengan potongan tersebut Kerajaan akan dapat mengumpul bayaran balik untuk menampung pinjaman baru daripada kakitangan Kerajaan yang lain; dan
 - (ii) jika potongan gaji dikeluarkan berdasarkan keadaan di atas, ini akan menimbulkan masalah dari segi proses pengurusan dan perakaunan,
- (d) Sebenarnya masalah mengenai bayaran balik pinjaman perumahan kepada pemohon-pemohon sepatutnya tidak timbul kerana semasa permohonan dikemukakan, mereka telah membuat pengakuan mengenai kemampuan membayar balik pinjaman serta faedahnya.

LAMPU AMARAN HAD LAJU

6. Tuan Hassan bin Nam minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapa jumlah bilangan kenderaan jenis berat yang telah dipasang dengan lampu amaran had laju sehingga 31hb Oktober, 1986 dan adakah menampakkan berkurangan sedikit bilangan kemalangan kenderaan jenis berat sejak dikuatkuasakan pemasangan had laju itu, jika dibandingkan dengan sebelumnya.

Timbalan Menteri Menteri Pengangkutan [Puan Hajjah Rahmah binti Othman]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah bilangan kenderaan jenis berat yang telah dipasang dengan alat amaran had laju sehingga 31hb Oktober, 1986 adalah sebanyak 56,000. Namun demikian walaupun pelaksanaan peraturan penggunaan alat amaran had laju ini mula berkuatkuasa pada 1hb Januari, 1986, tetapi penguatkuasaan ke atasnya tidak dijalankan buat masa kini berikutan dengan keputusan penangguhan sementara. Oleh itu sebarang perangkaan kemalangan jalanraya yang diberi tidak akan mencerminkan kedudukan yang sebenarnya.

Sistem pengawalan had laju ini akan dikuatkuasakan semula dengan sepenuhnya pada bulan Mac 1987.

Tuan Haji Shalarom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, mengapa ditangguhkan sementara amaran had laju itu? Apakah sebab-sebabnya?

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, setelah kita membuat keputusan berhubung dengan hal ini, banyak perkara teknikal yang menyebabkan tuan-tuan punya kenderaan itu tidak memahami dan perkara itu sekarang sedang di dalam persediaan yang akhir di mana kita telah mewujudkan satu jawatankuasa untuk menyelesaikan dan mengkemaskinikannya.

Datuk Nasir bin Haji Manap: Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah amaran had laju yang telahpun ditangguhkan pelaksanaannya, di sini adakah Yang Berhormat bersependapat dengan saya iaitu lampu amaran itu cuma menunjukkan kepada pemandu-peraandu bahawa kelajuan kenderaannya telah melebihi daripada yang dihadkan. Kalau ini benar, tidakkah dapat diwujudkan satu sistem atau alat lain yang

boleh mengesan kelajuan sebuah kenderaan apabila kelajuannya lebih daripada yang dihadkan tersendiri ia boleh dihukum? Kalau ini dapat dilaksanakan, barangkali sistem ini dapat dibuat setelah mendapat perundingan daripada mana-mana pihak.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat bersependapat dengan Ahli Yang Berhormat. Sebenarnya lampu isyarat alat ini bukan sahaja kepada pemandu tetapi kepada orang luar dapat mengesan bahawa kenderaan berat itu sudah melebihi had lajunya. Sebab itu semalam dalam jawapan saya, saya mengatakan bahawa untuk mengatasi soal kemalangan jalanraya ini bukan sahaja pemandu-pemandu tetapi juga orang awam perlu memberikan kerjasama sepenuhnya. Soal **ini**, rasa saya dapat kita atasi jika orang awam sendiri menyedari hakikat alat ini dipasang.

Mengenai soalan yang kedua tadi, ianya memang ada di dalam pertimbangan kita.

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sebarang undang-undang atau peraturan yang dibuat mestilah dihormati dan dipatuhi, tetapi dengan adanya peraturan yang dibuat oleh Kementerian Pengangkutan tanda had laju ini ada kalanya seolah-olah undang-undang ini dipersenda-sendakan.

Saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua, pernah lihat satu kenderaan berat yang bertanda 60 k.s.j. saya ikut di belakangnya, kejar sampai 100 k.s.j. pun tidak dapat. Jadi seolah-olah dipersenda-sendakan, lampu alarmnya berjalan, tetapi dia terus juga laju. Ada setengah orang kata peraturan ini hanyalah sekadar untuk memberi keuntungan kepada majikan yang mengadakan tanda had laju itu sahaja, kata orang ini ada dalam pengetahuan Kerajaan. Apakah lebih baik peraturan ini dimansuhkan sahaja, tidak usah dilaksanakan.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Malu saya, Tuan Yang di-Pertua, bila Ahli Yang Berhormat kata satu undang-undang itu perlu dimansuh, setelah kita mempertimbang sedalam-dalamnya, undang-undang perlu wujud dan kita sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat bertanggungjawab bersama dalam soal ini.

Soal keuntungan, sebenarnya tidak ada majikan yang mencari keuntungan, malahan setelah kita wujudkan Jawatankuasa bersama ini, kebanyakan majikan itu melahirkan soal keuntungan 'kosong', tetapi mereka bersama-sama dengan Kerajaan untuk mengatasi masalah kemalangan jalanraya.

Saya bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat bahawa setengah orang mengatakan undang-undang ini dibuat dipersendakan, banyak kenderaan-kenderaan berat hari ini berjalan lebih daripada had laju, ini disebabkan sepertimana kita tahu kerana tidak adanya penguatkuasaan, buat sementara ini insya Allah setelah bular, Mac ini kita akan pastikan sama-sama.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kebanyakan pengguna-pengguna jalanraya tidak tahu dan tidak faham dengan undang-undang yang ada. Saya ingin mendapat penjelasan, adakah pihak Kerajaan memberi ceramah kepada pengguna-pengguna supaya mereka ini faham menggunakan alat-alat tersebut?

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, telah saya sebutkan tadi yang dikatakan Jawatankuasa bersama di antara pihak tuan punya kenderaan dan Kementerian. Hasil daripada ini semua tuan-tuan punya kenderaan itu telahpun diberi penjelasan dan penyelidikan yang telah dibuat oleh pihak kita dan juga pihak SIRIM telah diedarkan kepada pihak-pihak yang berkenaan dan persetujuan untuk melaksanakan sepenuhnya alat ini pada bulan Mac. Ini adalah atas persetujuan semua pihak yang terlibat.

Tuan Chan Choong Tak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah benar bahawa apa yang dihadkan hanya pemakaian alat-alat laju dan bukan had ke atas kelajuan. Kalau ini benar, mengapakah tindakan tidak diambil terhadap kenderaan-kenderaan yang lari dengan cepat.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, ini sudah terkeluar daripada soalan asal. Soalannya ialah berkenaan dengan kenderaan berat sahaja bukan kenderaan keseluruhannya.

Tuan Chan Choong Tak: Soalan saya adalah di atas kenderaan yang berat.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Soal kenderaan yang berat ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau sudah kita pasang alat ini, ia tidak boleh pergi laju. Jadi oleh kerana sudah dipasang alat itu sekarang kita tangguhkan buat sementara waktu, kita tidak dapat membuat satu sekatan sekarang ini maka dengan sebab itu kita tangguhkan buat sementara waktu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Paramanjit Singh.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan yang ke 7.

DUTA/PESURUHJAYA TINGGI MALAYSIA DI LUAR NEGERI

7. **Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah Duta-duta dan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi kita diberikan apa-apa latihan khas untuk meninggikan mutu perdagangan dan perindustrian antara negara-negara di mana mereka ditempatkan dan Malaysia, dan jika tiada adakah Kerajaan akan menimbang untuk mengadakan latihan sedemikian bagi mereka supaya mereka dapat menggalakkan pembelian barang-barang kita oleh negara-negara luar negeri.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato'Zainal Abidin

bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bagi pihak Kementerian Luar Negeri.

Duta-duta Besar dan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi Malaysia di luar negeri adalah terdiri dari pegawai-pegawai yang mempunyai pengalaman yang cukup bagi menjalankan tugas-tugas untuk menggalakkan perdagangan dan kerjasama ekonomi antara negara-negara di mana mereka ditempatkan. Ramai di antara mereka telahpun mendapat latihan atau menghadiri kursus-kursus dalam bidang penggalakkan perdagangan dan pelaburan dalam perkhidmatan mereka dengan Kerajaan. Di samping itu juga dari masa ke semasa mereka dibekalkan dengan maklumat-maklumat dan arahan-arahan yang tertentu mengenai tugas-tugas dan tanggungjawab mereka dalam usaha menggalakkan perdagangan dan pelaburan di Malaysia.

Duta-duta Besar dan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi juga dibantu oleh pegawai-pegawai kanan yang lain seperti pegawai-pegawai perdagangan dan pegawai-pegawai MIDA yang ditempatkan di Kedutaan-kedutaan tertentu untuk membantu mereka menjalankan tugas-tugas.

Oleh itu ketua-ketua perwakilan mempunyai kemampuan untuk menjalankan tugas-tugas mereka dengan baik. Walau bagaimanapun baru-baru ini semua Duta Besar dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia telah diberi garis panduan baru bagi mencapai beberapa matlamat penting di bidang ekonomi dan diplomasi.

Tuan Bee Yang Sik: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Tuan Bee Yang Sik: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Menteri Luar Negeri menyatakan bilangan Duta-duta dan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi yang bertugas sebagai pegawai Kerajaan tetap atau secara kontrak, criteria, dengan izin, atau syarat-syarat kelayakan dalam pemilihan dan urusan pengambilan Duta-duta dan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Senator, tetapi oleh kerana soalan ini memerlukan satu jawapan yang terperinci daripada segi kriteria dalam perkhidmatan, sayaohon izin untuk mendapat notis.

PELABURAN RAKYAT MALAYSIA DI LUAR NEGERI

8. Puan Mazidah binti Haji Zakaria minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah keseluruhan pelaburan yang dibuat oleh rakyat Malaysia di seberang laut dalam jangka masa antara 1984 hingga 1986, dibandingkan dengan jumlah pelaburan rakyat asing di Malaysia. Apakah langkah-langkah tertentu yang khusus yang akan diambil bagi menggalakkan atau memujuk rakyat Malaysia untuk melabur di dalam negara mereka sendiri untuk mengekalkan pertukaran luar negeri yang begitu berkurangan.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang pernah diterangkan beberapa kali di Dewan ini, Sistem Kawalan Pertukaran Wang kita yang liberal ini membolehkan modal masuk dan keluar secara bebas dari negara ini untuk berbagai tujuan.

Berasaskan pada rekod Kawalan Pertukaran Wang yang berkesan aliran modal melalui sistem bank, pelaburan kasar di luar negeri, termasuk pembelian syer di seberang laut oleh penduduk negara kita daripada tahun 1984 hingga separuh pertama tahun 1986 adalah seperti berikut:

Tahun	Aliran Keluaran Kasar Pelaburan
1984	\$3,216 juta
1985	\$3,134 "
1986 (Januari - Jun)	\$1,226

Pada masa yang sama kita terdapat aliran masuk modal untuk pelaburan di Malaysia adalah seperti berikut:

Tahun	Aliran Keluaran Kasar Pelaburan
1984	\$1,549 juta
1985	\$1,688 "
1986 (Januari - Jun)	\$ 603 "

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk menggalakkan pelabur-pelabur asing dan tempatan untuk melabur di negara kita ini. Di antara langkah-langkah ini termasuklah melonggarkan peraturan-peraturan pelesenan di bawah Akta Penyelesaian Perindustrian 1975 dan peraturan Jawatankuasa Pelaburan Asing. Di samping itu Kerajaan telah meminda Akta Penggalakkan Pelaburan 1986 untuk menggalakkan lebih banyak lagi pelaburan dalam negara kita ini dengan memberi insentif-insentif yang lebih menarik.

Bayaran-bayaran terhadap penggunaan kemudahan-kemudahan awam, seperti perkhidmatan elektrik oleh perusahaan-perusahaan telah dikurangkan supaya kos perniagaan di Malaysia ini dapat direndahkan lagi. Kerajaan juga telah menubuhkan Tabung Pelaburan Baru bernilai 1 ribu juta bagi membantu pelabur-pelabur membiayai pelaburan mereka dalam sektor-sektor pertanian, perkilangan, pelancongan dan perlombongan. Di samping itu, mudahtunai sistem kewangan negara telah ditingkatkan dengan melonggarkan syarat-syarat mudahtunai dan berkanun bank-bank perdagangan supaya institusi-institusi kewangan dapat meminjamkan lebih banyak wang kepada sektor swasta, terutamanya pelabur-pelabur tempatan. Kerajaan juga telah memperkenalkan syarat-syarat yang lebih menarik di bawah Skim Pembiayaan Semula Kredit Eksport bagi membantu pengeksport-pengeksport dalam pembiayaan eksport mereka.

Langkah-langkah ini dijangka akan menggalakkan lebih banyak rakyat Malaysia untuk melabur di negara kita ini.

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan soalan yang ke-8 ini, kita berterima kasih dan menghormati sikap Kerajaan yang telah mengadakan usaha bagi mempertingkatkan pelaburan sama ada di dalam negeri atau di luar negeri di negara kita. Tetapi sedarkah Kerajaan bahawa ada golongan-golongan tertentu yang raenghasut pelabur-pelabur tempatan agar melabur keluar negeri dengan tujuan untuk melemahkan ekonomi negara kita ini. Jika sedar, apakah tindakan yang telah diatur oleh pihak Kerajaan bagi mengambil tindakan kepada penjenayah-penjenayah ekonomi daripada rakyat Malaysia sendiri ini.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, memanglah Kerajaan

sedar bahawa ada golongan-golongan di dalam negara kita ini berbuat demikian. Oleh kerana itu Kerajaan kita ini selalu menasihatkan pemimpin-pemimpin di dalam negara kita ini untuk menunjukkan taat setia mereka kepada negara kita **ini**, dan bagi pihak Kerajaan susahlah bagi pihak Kerajaan mengambil atau mengawal masalah ini dengan seratus peratus. Golongan-golongan yang berbuat demikian untuk melemahkan kedudukan ekonomi negara kita **ini**, Kerajaan kita akan merabuat apa juga untuk mengawal keadaan ini tetapi nampaknya Kerajaan tidak boleh menangkap mereka cuma mereka sahaja hendak melemahkan keadaan ekonomi kita ini.

Tuan Yang di-Pertua: Tadi, Yang Berhormat Puan Mazidah binti Haji Zakaria berdiri. Yang Berhormat hendak **apa**. That's your original question, isn't it?

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Yes. Tuan Yang di-Pertua, daripada perangkaan-perangkaan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi jelas kelihatan kepada kita bahawa sistem liberal yang kita praktikkan di negeri ini lebih menguntungkan orang luar daripada negara kita sendiri kerana pulangan yang kita dapat begitu hampir setengah sahaja daripada apa yang mengalir keluar daripada negeri ini sendiri. Jadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengatakan, salah satu cara yang kita cuba lakukan bagi menggalakkan pelaburan di negeri ini sendiri ialah dengan melanggorkan syarat-syarat yang **ada**. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak bolehkah pula di sebaliknya dilakukan iaitu dengan mengetatkan syarat-syarat pengaliran wang ini keluar.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kerajaan khususnya Kementerian Kewangan menganggap bahawa mengadakan satu

sistem ekonomi yang lebih terbuka adalah berfaedah kepada negara kita ini.

Mengenai cadangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator itu mengenai mendekatkan syarat-syarat supaya pengaliran keluar wang demi negara kita ini akan dikurangkan Atas syarat-syarat ini Kerajaan memang sentiasa mencari cara untuk mengawal keadaan ini, tetapi kalau hendak meimplemantasikan syarat-syarat yang lebih ketat untuk mengawal pengaliran wang dari negara kita ini tidak begitu berkesan. Sebaliknya lebih baiklah kalau Kerajaan kita ini menggalakkan pelabur-pelabur dari luar negara datang ke negara kita ini dan juga melalui pemimpin-pemimpin politik di dalam negara kita ini meningkatkan keyakinan baikpun pemastautin, mahupun bukan pemastautin bahawa sistem negara kita ini akan lebih sihat dan ekonomi negara kita akan pulih lebih cepat.

Tuan Chan Choong Tak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkenaan dengan insentif-insentif yang diberikan bagaimanakah insentiaf-insentif ini dibandingkan dengan insentif-insentif yang diberikan oleh negara jiran seperti Thailand, Singapura atau Indonesia. Kerana kalau ada pelabur hendak melabur di sini mereka mesti membandingkan insentif-insentif yang ada di dalam semua negara.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya soalan ini adalah terkeluar dari soalan asal. Jika Yang Berhormat Senator itu hendak tahu insentif-insentif yang diberikan oleh Kerajaan negeri jiran, Kementerian Kewangan akan jawab secara bertulis.

Tuan Chan Choong Tak: Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, atas cukai syarikat kewangan dan peraturan-peraturan keluar wang.

Tuan Loke Yuen Yow: Minta maaf, sekali lagi.

Tuan Chan Choong Tak: Bagaimanakah keadaan cukai syarikat negara ini dibandingkan dengan cukai syarikat di Singapura, Thailand dan Indonesia misalnya.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini tidak bersangkutan dengan soalan asal.

GAJI BULANAN PEKERJA LADANG

9. Dato' Dr. **K.S.** Nijhar minta Menteri Buruh menyatakan bila pekerja-pekerja ladang akan menerima gaji bulanan daripada gaji harian dan jika tidak lama lagi, mengapa keadaan ini berterusan.

Timbalan Menteri Buruh [Tuan Kalakau Untol]: Tuan Yang di-Pertua, sistem gaji harian merupakan satu daripada sistem kaedah pengiraan gaji yang sah. Di negara kita ini, pekerja dan majikan adalah bebas menggunakan sistem pengiraan gaji yang didapati sesuai dengan jenis perusahaan ataupun sektor. Oleh yang demikian, terpulanglah kepada majikan dan para pekerja di sektor perladangan untuk menggunakan sistem yang dipersetujui sebagai sesuai.

Selain daripada itu, di bawah Seksyen 16 Akta Kerja 1955, para pekerja di sektor pertanian diberi perlindungan jaminan kerja minima tidak kurang daripada 24 hari dalam sebulan. Perlindungan ini bersama-sama dengan perlindungan-perlindungan yang lain yang terdapat dalam Undang-undang Buruh adalah didapati lengkap dan memadai. Oleh itu, soal mengapa keadaan gaji harian dibenarkan berterusan tidak timbul sama sekali.

Tuaa G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat, dalam bentuk apakah Kerajaan kita ingin memberi pengiktirafan kepada pekerja-pekerja ladang ialah salah satu golongan yang merupakan tulang belakang kepada pembangunan negara kita ini jika bentuk gaji bulanan gagal.

Tuan Kalakau Untol: Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang soalan itu tadi telah saya katakan dalam jawapan saya bahawa bergantung kepada kesesuaian yang dipersetujui oleh majikan dan para pekerja di sektor-sektor tertentu,

Puan Hajjah Azizah binti Haji Hohd. Said: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidakkah Kementerian Buruh hendak membuat atau meluluskan Undang-undang membayar gaji pekerja-pekerja ladang ini dengan gaji bulanan seperti pekerja-pekerja kilang. Setahu saya dan saya difahamkan pekerja-pekerja ini hanya dibayar gaji harian dan tidak mendapat potongan EPF dan tidak mendapat SOCSO. Kebanyakan mereka ini bekerja menggunakan meracun serangga. Kalau kena kemalangan, kena racun dan sebagainya, maka tidak dapat apa-apa pampasan. Itu sahaja.

Tuan Kalakau Untol: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat soalan asal tadi ialah pekerja-pekerja ladang. Saya ingat dalam soalan untuk menyamakan dengan sektor-sektor lain telah saya jawab tadi iaitu terpulang kepada majikan dan para pekerja.

Puan Hajjah Azizah binti Mohd. Said: Tuan Yang di-Pertua, penetapan mesti dari Kementerian Buruh. Kementerian Buruh mesti mewujudkan undang-undang dan mesti mengkaji semula. Ini masalah buruh negara kita.

Tuan Kalakau Untol: Tuan Yang di-Pertua, telahpun diputuskan oleh Mahkamah Perusahaan. Dalam perkara ini telah dikenakan kepada Yang Amat Arif Ketua Hakim dan tidak timbul sekali lagi, tidak timbullah perkara ini lagi.

MAKANAN YANG DIIMPORT

10. **Tuan A. Shaik Dawood** minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menentukan barang-barang makanan yang diimport ke negara ini tidak mengandungi bahan radioaktif.

Menteri Kesihatan [Dato' Chan Siang Sun]: Tuan Yang di-Pertua, makanan-makanan yang diimport ke negara ini daripada negara-negara Eropah adalah ditahan sehingga keputusan analisa contoh-contoh makanan tersebut didapati tidak mengandungi bahan-bahan radioaktif yang lebih tinggi daripada kadar yang dibenarkan. Analisa adalah dibuat oleh Tun Dr. Ismail Atomic Research Centre, Bangi, Selangor, dengan izin, atau PUSPATI. Makanan-makanan yang didapati mengandungi bahan radioaktif yang tinggi adalah tidak dibenarkan masuk ke negeri ini dan dihantar balik ke negara asal.

Kementerian Kesihatan juga memerlukan Sijil Kesihatan daripada pihak berkuasa negeri-negeri pengeksport untuk mengesahkan bahawa makanan-makanan yang dieksport itu tidak mengandungi bahan-bahan radioaktif yang lebih tinggi daripada yang dibenarkan oleh Malaysia.

RAKYAT INDONESIA BEKERJA DI LADANG SLDB

11. **Tuan Wong Kie Yik** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa rakyat asing datang dari Indonesia yang bekerja sebagai buruh di ladang-ladang SLDB (Sarawak Land Development Board) di Kawasan Subis, Sarawak, sudah didaftarkan sebagai pengundi. oleh kerana mereka mempunyai kad pengenalan biru, walhal mereka belum lagi memenuhi syarat-syarat tertentu, iaitu bermastautin tidak kurang daripada 12 tahun. Di samping itu juga, saya ingin bertanya, apakah langkah-langkah positif akan diambil oleh Kementerian berkenaan untuk mengambil tindakan yang sewajarnya dan menyiasat dengan teliti dokumen-dokumen dipunyai oleh mereka itu adalah sah atau palsu.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar bahawa terdapatnya rakyat Indonesia yang bekerja sebagai buruh di Ladang SLDB atau Sarawak Land Development Board, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, di Subis, Sarawak yang telah mendaftarkan diri mereka sebagai pengundi.

Walau bagaimanapun, saya ingin menjelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa seseorang asing boleh menjadi warganegara Malaysia sekiranya ia memenuhi syarat-syarat seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan.

Di antara syarat-syarat yang dimaksudkan itu ialah seorang pemohon bagi mendapatkan taraf kewarganegaraan mesti mempunyai tempoh pemastautin tidak kurang dari tempoh 10 tahun dalam 12 tahun dari tarikh permohonan.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang diterangkan di dalam Dewan yang mulia ini Kementerian Dalam Negeri menyemak dengan teliti dan menyiasat dengan rapi setiap permohonan taraf kewarganegaraan untuk memastikan kebenaran setiap maklumat yang dibekalkan serta kesahihan dokumen-dokumen yang dikemukakan. Ini adalah untuk

menjamin bahawa mereka yang benar-benar layak sahaja akan diberi taraf kewarganegaraan. Mana-mana warganegara yang mencapai umur 21 tahun pada tarikh kelayakan boleh mendaftar sebagai pemilih tanpa mempersoalkan latar belakang negara asal, keturunan ataupun meminta dokumen-dokumen tambahan tentang taraf kewarganegaraan mereka sebagai warganegara Malaysia.

KONTRAKTOR BUMIPUTERA - NILAI PROJEK

12. **Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilangan dan nilai projek yang telah diberikan kepada kontraktor-kontraktor Bumiputera bagi tahun-tahun 1981 hingga 1985 berbanding dengan keseluruhan bilangan dan nilai-nilai projek pembangunan yang telah dikendalikan oleh Kementerian Kerja Raya.

Menteri Kerjaraya [Dato' Sa. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, bilangan dan nilai projek yang telah diperolehi oleh kontraktor-kontraktor bertaraf bumiputera dari tawaran-tawaran yang dikendalikan oleh Kementerian Kerjaraya bagi tahun 1981 hingga 1985 ialah sebanyak 1,586 projek bernilai \$1,153.1 juta. Berbanding dengan keseluruhan bilangan dan nilai projek-projek yang telah ditawarkan dalam tempoh tersebut iaitu sebanyak 2,830 projek yang berjumlah \$2,792 juta. Ini bermakna bahawa kontraktor-kontraktor bertaraf bumiputera telah memperolehi sebanyak lebih kurang 41.3% daripada nilai keseluruhan projek-projek yang telah ditawarkan dalam tempoh tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memberi angka-angka pecahan kepada Ahli Yang Berhormat iaitu dari tahun 1981 hingga 1985 adalah seperti di bawah ini:

Jumlah Projek		
Tahun	Kontraktor Bumiputera	Harga \$ juta
1981	315	280.9
1982	440	257.6
1983	269	112.1
1984	240	245.9
1985	322	256.6

Jumlah Projek		
Tahun	Kontraktor Bukan Bumiputera	Harga \$ juta
1981	175	269.4
1982	329	390.5
1983	353	315.7
1984	134	211.5
1985	253	451.8

PENDATANG HARAM - LANGKAH MENGATASI

13. **Puan Hasanah binti Haji Mohd. Kassim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah pendatang-pendatang haram ke Malaysia makin berkurangan atau bertambah. Apakah tindakan untuk mengatasi hal ini dari dan negara manakah mereka datang.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana mereka masuk secara haram, adalah sukar bagi Kementerian Dalam Negeri menyatakan apakah jumlah pendatang-pendatang haram yang memasuki negara ini makin berkurang atau bertambah.

Namun demikian, dari aduan-aduan yang diterima oleh Kementerian Dalam Negeri, tanda-tanda menunjukkan bahawa jumlah mereka ada berkurangan kebelakangan ini. Ini adalah hasil tindakan tegas yang telah diambil oleh Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen dan Polis Di-Raja Malaysia serta lain-lain agensi Kerajaan.

Tindakan tegas mengikut undang-undang telah diambil bagi menangkap, mendakwa dan mengusir keluar pendatang haram ke negara asal mereka masing-masing. Di samping itu, Kementerian Dalam Negeri juga telah mengetatkan lagi rondaan dan kawalan di kawasan-kawasan perairan dan sempadan daratan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pendatang haram yang memasuki negara ini datang dari beberapa negara seperti Vietnam, Indonesia, India, Thailand dan Singapura.

JENAZAH SAUDARA BARU - REBUTAN

14. **Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Bahagian Agama di Jabatan Perdana Menteri (Pusat Islam) sedar adanya berlaku rebutan bagi mengkebumikan jenazah saudara baru (muallaf) di antara Jabatan Agama Islam dengan keluarga asal si mati. Jika sedar, apakah sudah wujud undang-undang bagi diselaraskan di semua Jabatan Agama Islam Negeri. Kaedah ini akan menjejaskan perpaduan kaum dan mencemarkan kesucian Islam.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato Dr. Mohamad Yusof bio Haji Mohamad Nor]: Tuan Yang di-Pertua, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, sedar adanya berlaku rebutan bagi mengkebumikan jenazah saudara baru di antara Jabatan Agama Islam dengan keluarga asal si mati.

Bahagian ini berpendapat bahawa undang-undang yang sedia ada sekarang adalah telah memadai dan tidak perlu lagi peruntukan undang-undang yang baru bagi mengatasi masalah ini.

FIRMA/SYARIKAT/KILANG - TUTUP AKIBAT KEMELESETAN EKONOMI

15. **Tuan Haji Shuaib bin Lazim** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah bilangan gedung-gedung perniagaan, firma, syarikat dan kilang-kilang yang telah ditutup akibat kemelesetan ekonomi negara kita sekarang ini.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian [Dato' Kok Wee Kiat]: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telahpun dijawab pada 5hb Disember, 1986 semasa menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Hassan bin Nam.

PUKAT TUNDA - ANCAMAN KEPADA NELAYAN KECIL

16. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat pengeluaran lesen pukat tunda terlalu banyak menyebabkan kesulitan kepada para nelayan kecil dan mendatangkan gangguan ketenteraman awam. Jika sedar, adakah Kerajaan bercadang menghadkan pengeluaran lesen pukat tunda dan menentukan supaya pengusaha-pengusaha pukat tunda menjalankan perusahaan mereka di perairan di negeri yang mngeluarkan lesen tersebut sahaja.

Timbalan Menteri Pertanian [Tuan Luhut Wan]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan bersetuju bahawa banyak lesen pukat tunda di perairan kurang dari 12 batu dari pantai telah dikeluarkan. Oleh yang demikian, Kerajaan telah membekukan pengeluaran lesen tersebut untuk perairan kurang 12 batu dari pantai semenjak tahun 19/9 lagi.

Kerajaan juga mengujudkan Skim Pampasan untuk membeli balik bot-bot pukut tunda tersebut sebagai langkah mengurang dan menggalakkan mereka meneroka laut dalam.

Walaupun begitu, dengan bilangan yang ada, ianya tidak mengganggu nelayan-nelayan kecil kerana Kerajaan telah mengkhaskan Zon A, yakni kawasan kurang dari 5 batu untuk nelayan-nelayan kecil dan sebarang pencerobohan kawasan tersebut akan diambil tindakan dengan seriusnya.

Ketika ini, pembekuan pengeluaran lesen penangkapan ikan di perairan kurang dari 12 batu dari pantai masih berkuatkuasa. Kerajaan setakat ini tidak bercadang menghadkan bilangan pukut tunda di perairan laut dalam, kerana perusahaan pukut tunda adalah perlu untuk menerokai sumber-sumber demersal secara optima di Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia (ZEE).

Adalah dimaklumkan di bawah Konvensyen Undang-undang Laut Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Kerajaan akan terpaksa membenarkan nelayan asing menerokai sumber ZEE, andainya nelayan tempatan tidak berupaya menerokai sumber tersebut secara optimanya, Untuk menjamin perlindungan sumber-sumber laut, lesen-lesen untuk pukut tunda di laut dalam akan dihadkan kepada sebilangan yang selaras dengan potensi sumber yang berada di ZEE.

Di laut dalam, Kerajaan tidak bercadang untuk menghadkan kawasan perusahaan tertakluk kepada perairan negeri masing-masing sahaja kerana ianya adalah tidak ekonomik. Walau bagaimanapun, bagi pukut tunda yang menangkap ikan di bawah 12 batu dari pantai adalah dihadkan di perairan negeri yang mana lesennya dikeluarkan sahaja.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri itu mengatakan tidak ada gangguan kepada nelayan-nelayan kecil oleh pukat tunda. Sedarkah Yang Berhormat Timbalan Menteri, bahawa satu kejadian berlaku di Sungai Kuantan di mana pergaduhan di antara nelayan kecil dan pemilik pukat tunda telah berlaku? Oleh itu apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan?

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat itu oleh kerana membangkitkan perkara tersebut di Dewan yang mulia ini. Tindakan lanjut akan kita ambil setelah membuat pemeriksaan dengan teliti keadaan tersebut. Terima kasih.

SETINGGAN DI KUALA LUMPUR

17. **Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan berapa jumlah sebenar setinggan yang berada di kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan berapa jumlah keluasan tanah yang mereka duduki. Adakah Menteri sedar bahawa sebenarnya pinggir Selangor yang bersempadan dengan Wilayah Persekutuan yang menjadi tempat tinggal setinggan tersebut, apakah usaha Kerajaan untuk menyelamatkan dan menyelesaikan masalah setinggan ini.

11.12.1986.

7. **Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sehingga bulan Disember, 1985 berapa jumlah keperluan rumah yang diperlukan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk menampung setinggan. Adakah tanah untuk keperluan tersebut di Kuala Lumpur ini. Apakah bentuk perumahan yang akan dibina dan berapa jumlahnya akan dibina dalam RML.

Menteri Wilayah Persekutuan [Dato Abu Hassan bin Haji Omar]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab soalan Ahli Yang Berhormat ini bersama-sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat itu juga pada 11hb Disember, 1986, memandangkan perkara yang disentuh ada kaitannya di antara satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah setinggan yang terdapat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mengikut anggaran yang dibuat oleh Dewan Bandaraya pada penghujung tahun 1985 adalah seramai 145,117 orang. Setinggan-setinggan ini menduduki lebih kurang 1,771 hektar atau 4,37 ekar tanah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Setinggan-setinggan yang terdapat di Kuala Lumpur ini terdapat di merata-rata tempat, termasuklah kawasan yang bersempadan dengan negeri Selangor.

Dalam usaha mengatasi masalah setinggan-setinggan ini berbagai usaha telah dan sedang dijalankan seperti pemindahan, pembangunan kawasan setinggan, memperketatkan langkah kawalan dan menyediakan kemudahan asas kepada setinggan yang tidak terlibat dengan projek pembangunan.

Dari segi pembangunan perumahan pula, Kementerian Wilayah Persekutuan telah mengenal pasti 12 kawasan untuk dibangunkan yang melibatkan pembinaan sebanyak 12,333 unit rumah kos rendah. Pembinaan rumah-rumah ini akan dilaksanakan secara penswastaan. Ini adalah merupakan tambahan kepada 12,634 unit rumah yang sedang dalam proses pembinaan dan 3,614 unit yang dirancang untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelima. Selain dari itu Dewan Bandaraya juga telah menyiapkan pembinaan lebih kurang 4,000 unit rumah kos rendah di Bandar Baru Wangsa Maju.

Bagi projek-projek yang dilaksanakan oleh pihak swasta, mereka telah dikenakan syarat iaitu tidak kurang dari 30% jumlah unit rumah yang hendak dibina, hendaklah terdiri daripada rumah kos rendah dan sebahagian besar daripada rumah-rumah kos rendah situ adalah untuk setinggan-setinggan yang layak memilikinya.

Mengenai tanah pula, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur memang menghadapi masalah kekurangan tanah yang sesuai untuk dibangunkan. Kebanyakan tanah yang masih ada adalah terdiri dari tanah-tanah bekas lombong. Namun begitu, Kerajaan tetap akan mengenal pasti kawasan-kawasan yang sesuai untuk dibangunkan dan ini termasuklah tanah bekas lombong yang dianggarkan seluas 5,217 ekar dan tanah yang diambil balik oleh Kerajaan serta juga tanah-tanah milik swasta dan persendirian yang dipersetujui untuk dibangunkan sebagai kawasan perumahan.

Tuan Haji Shuaib bin Lazim: Soalan tambahan. Kita ucapkan terima kasih kepada Kementerian Wilayah yang telah berusaha untuk menempatkan setinggan-setinggan kita, tetapi saya dapati rumah-rumah yang dibuat, Tuan Yang di-Pertua, masih lagi mahal, setinggan-setinggan kita tidak sanggup untuk membeli rumah-rumah tersebut, iaitu tidak kurang daripada \$25,000. Tidakkah Yang Berhormat Menteri sedar atau ada satu rancangan khas untuk menempatkan setinggan-setinggan ini sebab kita dapati, Tuan Yang di-Pertua, setinggan-setinggan kita ini semakin bertambah tahun demi tahun.

Dato'Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, memanglah Kerajaan menyedari bahawa ada setengah-setengah setinggan yang berkenaan tidak mampu untuk memiliki rumah-rumah kos murah yang dibina oleh Kerajaan ataupun melalui projek-projek penswastaan. Oleh hal yang demikian, Kerajaan melalui Kementerian saya telah mengenalpasti beberapa langkah, pertamanya untuk menyediakan rumah-rumah bagi disewa oleh mereka yang tidak mampu membeli ataupun memiliki rumah-rumah yang berkenaan.

Kedua, kita juga berusaha untuk membina banyak lagi rumah-rumah panjang bagi mereka yang tertentu, terutama sekali digunakan sebagai tempat peralihan sehingga mereka itu mampu memiliki rumah-rumah yang dibina dan seterusnya ialah menggalakkan pihak swasta untuk mengurangkan harga pembinaan rumah-rumah kos rendah ini supaya kurang daripada \$25,000 yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Bee Yang Sek: Tuan Yang di-Pertua, saya meminta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan adakah Kementerian Wilayah Persekutuan sedang berusaha merangka satu rancangan yang menyeluruh, comprehensive, dengan izin, untuk menyelesaikan masalah setinggan-

setinggalan di Wilayah Persekutuan dan di pinggir negeri Selangor.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi masalah setinggalan di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, termasuk yang ada berhampiran dengan Negeri Selangor, memang memakan kuasa yang begitu lama, walaupun demikian kita sedang berusaha untuk mengatasi masalah ini peringkat demi peringkat, yakni kawasan-kawasan yang kita boleh kenalpasti untuk dibangunkan ataupun dibangunkan semula untuk perumahan, ini kita akan beri keutamaan dan seterusnya kita akan pula beredar kepada kawasan-kawasan yang lain mengikut keperluannya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa bagi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No, 18 hingga 24 adalah diberi di Lampiran "A"]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1987****Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kaji yang kedua sekarang". (9hb Disember, 1986).

Tuan Yang di-Pertua: Minta Menteri dari Jabatan Perdana Menteri memberi jawapan.

3.34 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah Gaddam]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Auii-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan atas dasar-dasar Belanjawan 1987, seterusnya memberi cadangan, teguran dan syor-syor yang membina terhadap perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh perbahasan Ahli-ahli Yang Berhormat menyentuh perkara-perkara Perpaduan Nasional, Hal Ehwal Agama Islam, Urusan Pilihanraya dan Peruntukan Pembangunan. Saya tidaklah bercadang untuk menjawab semua perkara yang telah dibangkitkan, kerana ada di antaranya yang telah dijelaskan dalam masa Soal Jawab Mulut beberapa hari yang lalu dan juga dalam ucapan pengulangan saya semasa perbahasan atas Titah Di-Raja di Dewan Negara yang mulia ini pada 4.12. 1986. Walaupun demikian, segala pandangan, teguran dan syor-syor yang membina yang diberi dengan ikhlas adalah dihargai dan diambil perhatian.

Mengenai pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat

Senator Haji Hussein bin Ahmad, sama ada Kerajaan telah menggariskan tahap batasan mengenai kebebasan berucap atau bersuara di kalangan kakitangan Kerajaan, suka saya menjelaskan bahawa memang Kerajaan mempunyai garis panduan yang menentukan sempadan-sempadan yang boleh dibenarkan berkaitan batasan berucap ataupun bersuara. Peraturan-peraturan mengenai ini adalah jelas terkandung dalam Pekeliling Kerajaan mengenai Perintah Am Bab 2/1980. Selain daripada itu semua rakyat termasuk Pegawai-pegawai Kerajaan adalah tertakluk di bawah Akta Hasutan.

Mengenai pandangan Yang Berhormat Senator Haji Shaharom bin Maasom supaya Kerajaan mengubah matlamat Jabatan Perpaduan Negara, untuk dapat berfungsi bagi menanamkan kesedaran sivik di kalangan rakyat, Kerajaan tidaklah perlu berbuat demikian kerana Jabatan tersebut sudah pun mempunyai matlamat yang jelas yang juga merangkumi aspek kesedaran itu iaitu membantu Kerajaan dalam menggalakkan perhubungan muhibbah di antara kaum serta memupuk semangat perpaduan rakyat supaya dapat dibentuk sebuah masyarakat bersatu-padu, di mana setiap warganegara bukan sahaja akan mempunyai keperibadian dan nilai, tetapi juga bangga sebagai rakyat Malaysia. Dengan ini jelaslah bahawa Kerajaan mempunyai matlamat yang nyata mengenai peranan yang harus dimainkan oleh Jabatan tersebut. Apa yang sedang di kaji semula dan direncanakan oleh Jabatan tersebut ialah pendekatan-pendekatan yang lebih khusus untuk menanamkan kesedaran kewarganegaraan dan sivik di kalangan rakyat yang berbilang kaum. Dengan pendekatan baru yang akan dilaksanakan pada masa akan datang, adalah dijangka bahawa semangat kesedaran kewarganegaraan dan sivik serta cintakan negara akan lebih berkesan lagi di kalangan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Pihak Kerajaan bersetuju dengan pendirian Yang Berhormat Senator Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya dan Yang

Berhormat Haji Abu Bakar bin Lajim yang menegaskan bahawa Perpaduan Negara sangat penting untuk keamanan negara, bahkan telah berulang-ulang kali pemimpin-pemimpin negara termasuk Perdana Menteri dan Menteri-menteri yang lain menyatakan pendirian tersebut di dalam berbagai ucapan rasmi. Tidak siapa pun boleh menafikan bahawa keharmonian dan kesejahteraan antara kaum yang hidup di negara kita adalah bergantung kuat kepada setakat mana kita bersatu-padu. Dalam hal ini Kerajaan memang mempunyai agensi-agensi tertentu untuk membantunya dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti yang boleh meningkatkan persefahaman dan keharmonian kaum. Peranan yang dimainkan oleh Jabatan Perpaduan Negara adalah mencukupi untuk menyedarkan semua golongan dan lapisan masyarakat betapa pentingnya perpaduan negara untuk menuju ke tahap kesejahteraan.

Dalam peranannya itu Jabatan Perpaduan Negara telah melaksanakan aktiviti-aktiviti yang bercorak penggalakan dengan memuaskan. Aktiviti-aktiviti tersebut, antara lain, ialah seperti memupuk konsep kejiranan melalui Rukun Tetangga, pendidikan tidak formal, kelas TADIKA serta aktiviti-aktiviti gotong-royong, kesukanan, kuiz dan sebagainya mengikut kawasan dan permintaan dari kawasan-kawasan tersebut. Begitu juga dalam pendekatan yang lain, Jabatan Perpaduan Negara telah melaksanakan aktiviti-aktiviti yang bercorak pencegahan antara kaum di mana beberapa masalah kecil yang boleh melahirkan pertentangan antara kaum di peringkat masyarakat biasa boleh diselesaikan melalui majlis perundingan dan perbincangan yang dianjurkan. Dalam hal ini kedua-dua aktiviti yang bercorak penggalakan dan pencegahan itu memang sentiasa dititikberatkan oleh Jabatan Perpaduan Negara melalui suatu cara yang disebutkan sebagai 'Sistem Pengesanan Perhubungan Sosial'.

Walau bagaimanapun, untuk menyatakan keberkesanan pendekatan tersebut secara mutlak, adalah sukar kerana berbagai-bagai faktor dan gejala lain yang boleh menjejaskan tahap persefahaman dan keharmonian antara kaum yang telahpun dilahirkan. Oleh sebab itu,

Kerajaan sentiasa menyatakan bahawa masalah perpaduan kaum bukanlah sesuatu yang boleh diuruskan oleh satu pihak sahaja. Agensi seperti Jabatan Perpaduan Negara hanya boleh memainkan peranan sebagai 'catalyst', tetapi semua golongan, kumpulan, institusi serta badan-badan lain, termasuk parti-parti politik perlu mempertingkatkan usaha memupukkan perpaduan. Ini adalah kerana perpaduan merupakan hak dan tanggungjawab bersama. Sebagai satu fenomena yang intangible, perpaduan berkembang melalui satu proses berpanjangan yang tidak boleh ditentukan tahapnya dengan jelas.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soal-soal yang dibangkitkan oleh Senator Haji Shaharom bin Haji Maasom yang menyentuh Suruhanjaya Pilihanraya, saya suka memaklumkan bahawa masalah berkenaan nama daerah mengundi daa sebagainya boleh dibangkitkan bila-bila masa dalam musim gerakan pendaftaran pemilih dijalankan. Yang Berhormat berkenaan bolehlah mengemukakan cadangan-cadangan beliau kepada Pegawai Pilihanraya Negeri berkenaan yang akan mengambil tindakan setelah mendapat maklumat yang nyata daripada Yang Berhormat itu;

Begitu juga halnya dengan pemilih-pemilih yang dikatakan sudah mati, tetapi masih ada namanya dalam Senarai Daftar Pemilih. Sekiranya Yang Berhormat Haji Shaharom mengetahui akan butir-butir lengkap mengenai hal itu, harap dapat dikemukakan kepada Pegawai Pilihanraya Negeri yang berkenaan. Untuk makluman Yang Berhormat itu, Suruhanjaya Pilihanraya tidak dapat memotong mana-mana nama walaupun orang itu sudah mati selagi butir-butir yang sah tidak diterima.

Berbubung dengan pengundi yang terpaksa beratur lama semasa membuang undi, perkara ini perkara biasa, terutamanya apabila pengundi-pengundi keluar dalam masa-masa tertentu sahaja. Bilangan pemilih yang ditentukan bagi tiap-tiap saluran, iaitu tidak lebih daripada 900 orang bagi tiap-tiap satu saluran pengundi didapati sesuai berpandukan kepada pengalaman-pengalaman pilihanraya yang lepas dan sistem ini tidak perlu diubah.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sangatlah peka kepada masalah dan kesulitan yang dihadapi oleh rakyat, terutama rakyat di kawasan luar bandar yang masih belum dapat menikmati faedah program pembangunan keseluruhannya. Beberapa aktiviti dan program telah disusun sebegitu rupa dalam Rancangan Malaysia Lima Tahun bagi menentukan matlamat Dasar Ekonomi Baru tercapai. Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak menafikan masih terdapat kekurangan dan tokok-tambah yang perlu dibuat kepada aktiviti dan program tersebut supaya faedah dan kesannya dinikmati oleh kumpulan sasaran yang dimaksudkan, meliputi semua rakyat di semua kawasan di seluruh negara. Di samping program-program tersebut, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga meluluskan projek-projek yang dipohon sendiri oleh Ahli-ahli Parlimen melalui Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri.

Tidak benar bahawa setiap Ahli Parlimen diberikan peruntukan khas bagi membiayai pelaksanaan projek-projek kecil di kawasan Parlimen mereka. Apa yang berlaku ialah Ahli-ahli Parlimen mencadangkan projek-projek yang difikirkan penting dan perlu bagi kawasan masing-masing dan mengemukakan permohonan mereka kepada Pegawai Daerah. Setelah membuat kajian, Pegawai Daerah akan mengemukakan permohonan-permohonan itu untuk pertimbangan Kerajaan

Negeri yang akan menentukan keperluan dan keutamaannya serta sama ada selaras dengan keutamaan Kerajaan. Permohonan-permohonan selepas itu akan dikemukakan kepada Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri untuk mendapatkan peruntukan. Kebiasaannya nilai projek-projek yang dikemukakan oleh Ahli Parlimen dihadkan tidak melebihi \$200,000 setahun. Jika projek-projek itu telah diluluskan, ianya nanti akan dilaksanakan melalui Pegawai Kemajuan Negeri dan Pegawai Daerah mengikut prosedur pelaksanaan projek-projek pembangunan yang lain.

Pada prinsipnya kelulusan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merupakan tambahan kepada pelaksanaan aktiviti program yang telah disusun dalam setiap Rancangan Malaysia Lima Tahun. Adalah jelas peruntukan ini menggalakkan rakyat terlalu bergantung kepada Kerajaan semata-mata, tetapi menggalakkan mereka mempunyai semangat berdikari dalam apa juga perkara. Kerajaan berpendapat peraturan dan pertimbangan-pertimbangan yang telah diberikan pada masa ini adalah mencukupi dan munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan syor supaya dikaji semula pengedaran risalah-risalah agama dan supaya kitab-kitab hadis dan tafsir al-Quran yang diterbitkan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam didedarkan ke masjid-masjid dan surau-surau dan seterusnya, supaya kitab-kitab berzanji diterjemahkan ke Bahasa Melayu. Syor ini akan diambil perhatian dan akan dilaksanakan setakat mana yang praktikal dan munasabah.

Perkara dakwah di kalangan saudara-saudara baru sedang dilaksanakan oleh Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri dan oleh beberapa badan dakwah seperti PERKIM dan lain-lain lagi. Kegiatan ini akan dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator R.M. Jasni pula, suka saya memaklumkan bahawa Pegawai-pegawai Hal Ehwal Islam yang dilantik untuk bertugas dalam berbagai bidang, iaitu dalam bidang penyelidikan, pentadbiran undang-undang dan kehakiman syarak, pentadbiran hal ehwal Islam dan dalam bidang dakwah. Pegawai-pegawai yang bertugas dalam bidang dakwah ditempatkan di Institut Dakwah dan Latihan Islam di Pusat Islam, Pusat-pusat Latihan Dakwah di Sabah dan di Sarawak. Tugas utama mereka ialah mengatur kursus-kursus dakwah dan memberi ceramah dalam kursus-kursus itu. Memberi syarahan agama dan ceramah-ceramah dalam majlis-majlis atau perjumpaan-perjumpaan umum bukanlah tugas utama mereka. Jika adapun di antara pegawai-pegawai itu membuat kerja-kerja ini, maka mereka melakukannya atas sifat persendirian mereka ataupun mereka telah dipilih oleh Jabatan untuk memenuhi permintaan dari satu pihak tertentu sebagai satu tugas tambahan.

Peranan Bahagian Hal Ehwal Islam dalam bidang dakwah ialah menyelaraskan tentang perancangan dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti dakwah antara Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri dan beberapa Jabatan Kerajaan Persekutuan. Di samping itu, Bahagian Hal Ehwal Islam adalah menjalankan kursus-kursus untuk melatih pegawai-pegawai agama dan pendakwah-pendakwah, khususnya yang berkhidmat di Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri dalam berbagai bidang yang berkaitan dengan tugas mereka dengan tujuan untuk mempertingkatkan kemampuan dan kemahiran pegawai-pegawai dan seterusnya Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri itu.

Tegasnya, Pegawai-pegawai Agama yang dilantik itu adalah untuk menjalankan tugas-tugas sebagai Pegawai Pentadbir Hal Ehwal Islam dan bukan khusus untuk menjadi mubaligh atau pensyarah agama. Oleh

itu, tidaklah sesuai sama sekali untuk mengukur pegawai-pegawai itu semata-mata berdasarkan kepada kebolehan mereka bersyarah ataupun berpidato.

Dari segi undang-undang negara, tugas dakwah Islamiah atau memberi syarahan agama dan penerangan adalah tanggungjawab Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri. Dari segi agama Islam, tugas ini adalah tanggungjawab tiap-tiap orang muslim. Oleh itu, tidak ada apa salahnya jika terdapat pendakwah-pendakwah daripada mana-mana badan atau golongan didapati lebih menarik atau lebih mendapat perhatian orang ramai. Bukanlah menjadi tanggungjawab Bahagian Hal Ehwal Islam untuk bertanding ataupun berlawan dengan badan-badan dakwah atau mana-mana pihak dalam bidang dakwah Islamiah.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan bagi melaksanakan projek-projek keagamaan, khususnya pembinaan masjid dan surau dikeluarkan di atas persetujuan Jabatan Perdana Menteri. Peruntukan ini meliputi pelaksanaan untuk membina, memperbaiki atau memperbesarkan masjid atau surau.

Dalam hal ini Unit Penyelarasan Pelaksanaan telah diarahkan untuk mengenalpasti mana-mana projek yang perlu dibina semula, dibaiki ataupun diperbesarkan. Usaha-usaha bagi mendapatkan maklumat projek yang terperinci sebelum ini telah diperolehi di peringkat negeri dan daerah. Oleh itu, tidaklah timbul persoalan di mana kelulusan yang diberi tidak digunakan dengan baik dan sempurna. Setakat ini tidak ada laporan-laporan yang diterima mengenai dakwaan Yang Berhormat mengenai terdapatnya beberapa buah masjid atau surau yang masih berkeadaan baik telah dirobohkan dan dibina dengan bangunan baru. Walaupun demikian, Kerajaan akan sentiasa memberikan pertimbangan dan pengubahsuaian ke atas kriteria-kriteria dalam memberikan peruntukan projek-projek seperti ini bagi menentukan ianya benar-benar berfaedah dan dapat digunakan oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom juga menyarankan bahawa Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk menyelia tugas pekerja-pekerja di bawah jagaan mereka masing-masing dari segi pembahagian beban tugasnya, prestasi penghasilan kerja dan disiplin kerja. Ketua Jabatan juga berkewajipan untuk melakukan pengawasan ke atas pekerja di bawah jagaan sengaja melambat-lambatkan masa bekerja. Walau bagaimanapun, kerja lebih masa dan bayaran lebih masa tidak dapat dielakkan kerana ada

kalanya pekerja-pekerja dikehendaki bekerja dalam waktu kecemasan dan juga bila dikehendaki menyiapkan kerja luar jangka yang mesti diselesaikan dalam masa yang singkat.

Dalam hal ini sekiranya terdapat seseorang pekerja yang sengaja melambat-lambatkan tugas kerjanya sama ada dengan tujuan untuk mendapatkan bayaran lebih masa atau atas lain-lain sebab yang menjejaskan tugas dan perkhidmatan Jabatan, bukan sahaja pekerja itu tidak dapat diberi bayaran lebih masa, bahkan ia akan dikenakan tindakan tatatertib di bawah Perintah Am Bab D kerana tidak cekap, tidak jujur serta tidak bertanggungjawab dalam menjalankan tugasnya.

Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom juga telah menyentuh tentang tandas di Parlimen yang masih lagi belum dipakai sehingga ini. Adalah ditegaskan bahawa tandas-tandas itu sekarang sedang diperbaiki dan insya-Allah, kalau kontraktor itu boleh menyiapkan kerja-kerja mereka dalam dua, tiga hari ini akan dibuka untuk kegunaan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom juga telah menyentuh tentang seorang Ahli Parlimen yang telah kecurian sebanyak \$3,000 di waktu beliau sedang sembahyang di surau Parlimen. Adalah saya memberitahu bahawa orang yang berkenaan itu telahpun melaporkan perkara tersebut kepada pihak polis dan ini adalah di tangan pihak polis pada masa ini.

Tentang saranan Yang Berhormat mengenai tempat duduk di Dewan yang tidak selesa mengatakan Ahli-ahlinya susah hendak keluar masuk dalam masa persidangan dan terpaksa bergesel di antara satu sama lain yang duduk dalam barisan kerusi yang sama, apatah lagi kalau rakan yang lain itu perempuan tentulah batal air sembahyangnya yang hendak dilanjutkan.

Perlu saya menegaskan di sini bahawa kerusi-kerusi dalam Dewan Negara adalah lebih selesa dari kerusi dalam Dewan Rakyat. Tetapi menuntut maaf kerana tempat-tempat duduk bagi pegawai-pegawai adalah sangat sedikit dan ruangan yang terhad, tambahan pula banyak pegawai-pegawai yang suka datang ke sini untuk mendengar Ahli-ahli Yang Berhormat berpidato dan memberikan pandangan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab cadangan Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang yang membangkitkan peningkatan semangat kerja yang tinggi di kalangan pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan, Kerajaan telah melancarkan beberapa program pemodenan pentadbiran yang mana perkara-perkara yang berhubung dengan perkhidmatan dan kerohanian diserap bersama. Untuk memastikan matlamat ini tercapai, Kerajaan telah mengadakan:

- (1) Latihan-latihan pra perkhidmatan dan dalam perkhidmatan yang dijalankan oleh pusat-pusat latihan tempatan dan juga luar negeri.
- (2) Menggalakkan serta menganjurkan pegawai mengikuti seminar-seminar di dalam dan di luar negeri bagi memperluaskan lagi pengetahuan dan kemahiran serta kecekapan mereka.
- (3) Menyediakan berbagai peralatan kelengkapan pejabat yang moden termasuk penggunaan komputer bagi mempercepatkan dan melicinkan jentera pentadbiran.
- (4) Memperkenalkan sistem kerja yang lebih teratur, menggalakkan perkembangan kelab-kelab sukan dan kebajikan kakitangan, memberi imbuhan berbentuk hadiah dan galakan sebagai menghargai perkhidmatan cemerlang dan dari semasa ke semasa,

mengadakan kursus pembentukan kerohanian dan syarahan agama anjuran kelab-kelab kebajikan di Jabatan-jabatan berkenaan.

Semua program yang diadakan ini adalah bertujuan untuk mewujudkan sebuah pentadbiran yang bersih, cekap dan amanah.

Mengenai cadangan Yang Berhormat supaya pihak Kerajaan mengadakan kursus-kursus perkhidmatan dan kerohanian yang sekurang-kurangnya tiga bulan sekali, pihak Kerajaan akan menimbangkan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom juga telah menyarankan supaya pihak Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara jangan lagi memberi rawatan yang memberhentikan pihak perempuan dari beranak, tetapi sebaliknya supaya memberi rawatan kepada orang perempuan yang mandul supaya mereka itu boleh memperolehi anak.

Adalah diberitahu bahawa Lembaga telahpun menubuhkan jawatan-kuasa-jawatankuasa bagi mengkaji keperluan dan asas untuk menuju ke arah 70 juta penduduk itu. Penumpuan program Jabatan ini pada masa sekarang berpusat sepenuhnya kepada pembangunan keluarga, rawatan kemandulan, penyelidikan perubatan, kajian baka dan lain-lain lagi yang bersangkutan dengan ibu dan kelahiran.

Di segi pembangunan keluarga, pihak Lembaga dengan kerjasama pakar-pakar dari beberapa universiti telahpun menyiapkan satu program khas untuk pendidikan kekeluargaan yang mana termasuk di dalamnya pendidikan keibubapaan, penjagaan anak, kawalan kekeluargaan dan lain-lain lagi. Segala prinsip ini adalah diasaskan kepada prinsip kekeluargaan di dalam Islam.

Lembaga telahpun memikirkan media yang paling sesuai untuk menyebarkan konsep dan pendidikan ini. Bahagian Penerangan dan Penerbitan Lembaga sedang diperkembangkan bagi menyiapkan bahan-bahan siaran am, seperti pita video, program televisyen, bahan cetakan dan lain-lain untuk disampaikan kepada orang ramai, contohnya majallah Timang.

Mengenai struktur komposisi penduduk pula, adalah dinyatakan bahawa penduduk Malaysia masih lagi di dalam struktur komposisi penduduk negara-negara yang sedang membangun iaitu besar di bawah, kuncup di atas.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Yang Berhormat Senator Rajoo supaya diadakan program bantuan kepada peniaga kecil dan pengesanan yang dijalankan untuk mengetahui kekesanan program tersebut.

Adalah dimaklumkan bahawa program bantuan kepada penjaja dan peniaga-peniaga kecil telahpun diwujudkan sejak tahun 1977 di bawah pengawasan Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri. Peruntukan program ini telah disediakan untuk membantu golongan miskin dan belia-belia untuk menambah atau meningkatkan pendapatan mereka serta untuk mendapat punca pendapatan utama sebagai penjaja atau peniaga kecil.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini pelaksanaan program ini adalah diselaraskan di negeri-negeri melalui Pegawai Kemajuan Negeri-negeri dan dilaksanakan oleh Pejabat Daerah, Penguasa Tempatan dan ada juga yang disediakan oleh Pejabat Kemajuan Negeri. Jenis bantuan yang disediakan merupakan bantuan kemudahan seperti gerai, tapak perniagaan, lain-lain infrastruktur, pinjaman kewangan dan latihan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai kekesanan program ini, beberapa kajian telahpun dijalankan untuk menilai kekesanan program ini seperti kajian peniaga kecil di negeri Terengganu, Wilayah Persekutuan, Johor, dan baru-baru ini di Melaka.

Daripada kajian ini adalah didapati purata pendapatan bersih yang diperolehi oleh peniaga-peniaga kecil adalah di antara \$300 hingga \$2,500 sebulan. Oleh itu bagi makluman Dewan ini, kekesanan program ini diteliti dari masa ke semasa untuk menentukan matlamatnya akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai ISIS yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim, sebagaimana termaklum ISIS telah ditubuhkan sebagai institusi penyelidikan dan membuat kajian yang ada berkaitan dengan dasar negara. ISIS sebagai sebuah syarikat bukan Kerajaan, tidaklah berhak mendapatkan maklumat-maklumat terhad atau sulit dari Kerajaan. Data-data yang diperolehi adalah dari sumber terbuka. Walau bagaimanapun memandangkan kemungkinan ini diserap oleh anasir-anasir yang boleh bertindak berlawanan dengan kepentingan negara, pengambilan kakitangan ISIS adalah dibuat dengan secara teliti dan berhati-hati.

Sebahagian daripada kakitangan ISIS adalah dipinjamkan dari agensi-agensi Kerajaan dan Universiti-universiti yang telah diberi tapisan keselamatan. Mereka yang dilantik terus kepada perkhidmatan ISIS adalah dibuat selepas latar belakang mereka diteliti dan dirujuk secara informal kepada rakan-rakan atau ketua-ketua tempat mereka bekerja sebelum dilantik oleh ISIS. Mereka juga menempuhi proses temuduga yang berperingkat-peringkat dan dibuat secara teliti. Proses yang sama juga dibuat bagi perlantikan secara kontrak atau perunding jangka pendek.

Perlantikan "Fellow-Pelawat" dari luar negeri adalah diteliti oleh Ahli-ahli Lembaga Pengarah ISIS dan dipersetujui oleh mereka terlebih dahulu. Bagi kategori ini rujukan adalah dibuat kepada agensi-agensi keselamatan negara serta Kementerian Luar Negeri di mana perlu. Ringkasnya, ISIS sentiasa mengambil berat tentang keselamatan negara di dalam usaha mengambil kakitangan terutama bagi mereka-mereka yang menjalankan tugas penyelidikan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara kedudukan Dewan Negara yang dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini, suka saya menegaskan bahawa Kerajaan tidak bercadang untuk memansuhkan Dewan Negara oleh kerana Kerajaan tidak menganggap Dewan ini sebagai satu beban. Sesungguhnya Dewan ini telah berkhidmat dengan baik dan memberi sumbangan yang positif melalui teguran-teguran serta kritikan-kritikan yang membina terutama semasa perbahasan Rang Undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Akhir sekali saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan teguran, pandangan serta syor-syor menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Di mana saya tidak dapat menjawab atau menyentuhnya dengan menyebut nama Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkannya saya mohon maaf. Walaupun demikian, perkara-perkara yang ditimbulkan itu telah dicatat dan akan diberi perhatian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri.

4.04 ptg

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang terhormat yang telah mengemukakan pandangan dan teguran masing-masing ke atas isu-isu dan masalah-masalah di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri.

Di antara perkara-perkara yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, adalah mengenai kegiatan jenayah, kedudukan bangunan lama Polis Di-Raja Malaysia, kad pengenalan dan peruntukan catuan banduan-banduan di penjara-penjara di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah jenayah-jenayah kecil yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin, suka saya menegaskan bahawa Kerajaan sentiasa memberi perhatian yang serius terhadap masalah tersebut. Berbagai langkah telah diambil bagi mengawal dan membendung kegiatan tersebut dan setakat ini keadaannya adalah terkawal. Tindakan pihak berkuasa dalam membanteras jenayah kecil atau besar akan lebih berkesan lagi sekiranya mendapat kerjasama daripada semua anggota masyarakat.

Segala maklumat mengenainya amatlah diperlukan bagi membolehkan pihak Kerajaan mengatur dengan lebih berkesan lagi strategi mencegah kegiatan-kegiatan jenayah. Kerajaan juga sememangnya dari masa ke semasa mengambil perhatian dan tindakan bagi menambahkan peruntukan dan anggota-anggota Polis sesuai dengan keadaan semasa bagi mencegah kegiatan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom menyentuh mengenai bangunan-bangunan lama Polis yang tidak digunakan lagi. Mengenai hal ini Kementerian Dalam Negeri sedar adanya permohonan-permohonan bagi menggunakan bangunan-bangunan lama Polis untuk dijadikan pusat kegiatan masyarakat dan sebagainya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini masih dalam kajian Kementerian Dalam Negeri.

Yang Berhormat Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim menyentuh mengenai perbelanjaan makanan ke atas banduan-banduan di penjara-penjara yang dikatakan mewah. Suka saya memaklumkan bahawa catuan makanan yang digunakan di negara ini sekarang adalah mengikut kaedah dan peraturan penjara yang diubahsuai dalam tahun 1982. Dengan itu Kerajaan tidak bercadang meminda peraturan tersebut.

Mengenai syor supaya dicatatkan butiran agam ke dalam kad-kad pengenalan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan telahpun mengkaji cadangan tersebut dan mendapati ianya tidak perlu dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri suka saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran, pendapat-pendapat dan syor-syor mengenai isu-isu dan masalah-masalah di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri. Bagi mana-mana teguran, pendapat dan syor yang tidak sempat saya jelaskan, saya suka menyatakan bahawa teguran-teguran, pendapat-pendapat dan syor-syor tersebut akan dikaji dan akan diberi perhatian sewajarnya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

4.08ptg

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Puan Napsiah binti Omar]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pelaksanaan program khas perumahan kos rendah Kerajaan sememangnya menitikberatkan soal-soal seperti keselesaan dan harga rumah supaya golongan berpendapatan rendah dapat menikmati kemudahan perumahan. Prinsip ini sentiasa dipatuhi tanpa mengira sama ada rumah yang dibina adalah dari jenis teres ataupun rumah pangsa. Rumah-rumah ini juga adalah terbuka kepada sesiapa sahaja yang layak termasuk mereka yang menduduki tanah secara tidak sah.

Sungguhpun penerimaan terhadap rumah pangsa adalah kurang memuaskan tetapi di tempat-tempat tertentu sikap ini telah mula berubah.

Di kawasan-kawasan bandar di mana nilai tanah adalah tinggi, pembinaan rumah pangsa adalah didapati wajar untuk mengawal harga rumah pada paras yang mampu dimiliki oleh pembeli.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya juga ingin hendak menafikan pendapat iaitu yang sehingga kini kesan dari pelaksanaan Program Khas ini masih belum dapat dirasakan. Suka saya melaporkan kepada Dewan ini iaitu berkenaan dengan prestasi pembinaan program rumah kos rendah di bawah Program Khas ini. Dalam tahun 1986 ini juga kita telah mengenalpasti sebanyak 231 projek mengandungi 96,252 unit rumah. Sehingga 15hb November, 1986 adalah dilaporkan iaitu sebanyak 22,622 unit adalah dalam peringkat awal pembinaan. Dan mengikut rancangan, pada bulan Julai 1987, diharapkan sebanyak 36,677 unit rumah akan dapat dibina di tahap 80%.

Mengenai pula cadangan supaya Kerajaan mengadakan satu jawatan-kuasa untuk menyelamatkan kontraktor-kontraktor dalam industri pembinaan, adalah difikirkan di dalam masa recession ini ataupun di dalam masa ekonomi kita yang tidak begitu sihat, semua pihak perlu mengubahsuai sikap sesuai dengan suasana ekonomi, bukan sahaja pihak kontraktor tetapi juga institusi-institusi kewangan. Kontraktor bumiputera perlu memikirkan sendiri bagaimana hendak mengatasi masalah mereka. Jangan sentiasa bergantung kepada Kerajaan kerana Kerajaan telahpun menyediakan banyak peluang-peluang dan bantuan-bantuan yang telahpun disediakan oleh Kerajaan. Kontraktor bumiputera juga perlu memperbaiki tingkah laku mereka sendiri - 'sharpen your management skills', dengan izin, atau mempertajamkan kemahiran pengurusan, pengurusan kewangan, pengurusan kerja-kerja, tambahkan

ilmu pengetahuan dan organise yourself, dengan izin, ataupun merancang dan mengatur dengan sempurnanya setiap langkah perniagaan kerana pihak yang lain tidak akan mengubahsuaikan tingkah laku mereka untuk kebaikan kontraktor bumiputera. Jadi, kontraktor bumiputera perlulah mengubahsuaikan sikap mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, perkara mengenai kuota bumiputera dalam pengagihan rumah-rumah kos rendah adalah ditentukan oleh dasar-dasar tertentu Kerajaan-kerajaan Negeri. Dalam melaksanakan dasar-dasar ini, Kerajaan Negeri sememangnya mengambil kira keadaan-keadaan tempatan di mana sesuatu projek itu dilaksanakan. Walau bagaimanapun, bagi Program Khas Perumahan Kos Rendah telah disyorkan bahawa apabila kuota untuk bumiputera tidak dapat dipenuhi sama ada oleh perseorangan atau pembelian proxy dari peruntukan ataupun agensi bumiputera, rumah-rumah yang berkenaan boleh dijual kepada pembeli bukan bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perumahan Negara di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ada menyediakan rekabentuk-rekabentuk rumah kos rendah yang seragam untuk golongan berpendapatan rendah. Rekabentuk-rekabentuk ini mempunyai 3 bilik tidur dan dijual kurang daripada \$25,000 seunit. Bahan-bahan yang digunakan adalah dari bahan-bahan yang bukan, dengan izin, 'sub-standard' dan kekemasannya adalah bermutu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pengeluaran Sijil Layak Menduduki pula bagi tiap-tiap projek perumahan yang dibina mengikut pelan dan syarat yang ditetapkan oleh Penguasa-penguasa Tempatan, ianya akan dikeluarkan tanpa banyak masalah. Jika ada projek sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat yang telah siap dibina dan belum mendapat Sijil Layak Menduduki, berkemungkinan projek itu mempunyai

banyak masalah dan tidak mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Penguasa-penguasa Tempatan. Semua projek yang mengikut syarat dan peraturan akan dikeluarkan Sijil Layak Menduduki tanpa banyak masalah.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini pihak Kementerian telah menetapkan cara membeli dan membayar harga rumah iaitu melalui penggunaan Perjanjian Jual Beli Tanah dan Bangunan yang Seragam selaras dengan penguatkuasaan Peraturan-peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1982. Di dalam Peraturan-peraturan tersebut telah menetapkan bahawa sebelum apa-apa pembinaan dan penjualan rumah dibuat, pihak pemaju swasta hendaklah mendapatkan lesen pemaju perumahan dan permit iklan dan jualan daripada Kementerian ini. Jadi, telah diberi panduan kepada pembeli iaitu pembeli hanya boleh membeli rumah daripada pemaju swasta yang mempunyai lesen dan permit iklan dan jualan yang dikeluarkan oleh Kementerian ini. Melalui Perjanjian Jual Beli Tanah dan Bangunan telah dijelaskan cara-cara membayar harga rumah kepada pemaju. Pembayaran telah ditetapkan berdasarkan peringkat persiapan bangunan yang telah disahkan oleh Sijil Akuan akitek pemaju.

Berhubung dengan tempoh guarantee atau tempoh kecacatan di dalam Perjanjian Jual Beli yang seragam itu telah menetapkan bahawa tempoh kecacatan ialah selama 12 bulan atau satu tahun.

Tuan Yang di-Pertua, di sini akhir sekali saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah berucap menyentuh mengenai bidang tugas Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Jika ada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan tidak sempat dijawab, Kementerian ini akan mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya, Terima kasih.

Tuan Tang di-Pertua: Menteri dari Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

4.16 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar [Tuan Ng Cheng Kuai]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1987 yang telah dibentangkan oleh Menteri Kewangan pada 5hb Disember, 1986 yang lalu. Saya suka memberi penjelasan ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu khususnya mengenai kemudahan infrastruktur di luar bandar dan peranan MARA sepanjang perbahasan tersebut dari 5hb Disember hingga 9hb Disember, 1986.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Ainon Ariffin telah membangkitkan mengenai kemudahan infrastruktur di luar bandar, di mana beliau menarik perhatian Kementerian agar memperbanyakkan lagi infrastruktur di kawasan luar bandar. Di atas perkara tersebut, pihak Kementeriaan sememangnya sentiasa memberi perhatian yang lebih terhadap pembinaan infrastruktur di luar bandar. Malah di dalam peruntukan Rancangan Malaysia Kelima, sebanyak 2/3 daripada peruntukan pembangunan adalah untuk pembangunan infrastruktur di luar bandar. Kesemua tingkat pelaksanaan kemudahan infrastruktur di luar bandar bergantung kepada kemampuan kewangan negara.

Mengenai saranan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Shaharom bin Maasom pula, Kementerian saya sememangnya menyediakan kemudahan infrastruktur seperti bekalan api, bekalan air dan jalan kampung di luar bandar. Ini termasuklah kemudahan infrastruktur di kawasan pedalaman di negeri Perak dan Johor.

Mengenai dakwaan beliau masih ada penduduk luar bandar yang menggunakan air perigi dan parit untuk minuman dan kegunaan harian, sememangnya Kementerian saya akan mengambil perhatian mengenai masalah-masalah ini. Saya juga ingin menegaskan di sini bahawa tidak ada berlaku pilih kasih dalam soal pembahagian dan pengagihan peruntukan bagi projek-projek infrastruktur di luar bandar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, peruntukan dan pengagihan adalah dibuat berdasarkan kepada permintaan atau permohonan yang diterima dari Pejabat Kemajuan Negeri ataupun Pejabat Daerah. Jadi di sini saya ingin memberi jaminan bahawa soal pilih kasih langsung tidak timbul. Malah Kerajaan sentiasa menimbangkan dan memberi perhatian yang lebih terhadap kawasan yang mundur.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan saranan Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said pula, mengenai pembinaan kilang-kilang kecil di kawasan luar bandar sudah tentulah saranan ini amat baik dan saya bagi pihak Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar sememangnya mengharapkan semua Wakil-wakil Rakyat dan Senator-senator memainkan peranan membawa industri dan pembinaan kilang kecil ini ke kawasan masing-masing, malah bagi mempercepatkan pertumbuhan industri ini di luar bandar Kerajaan telah menyediakan Skim Pinjaman khas Perusahaan Kecil yang bernilai \$210 juta. Begitu juga Kerajaan telah memberi beberapa pelepasan cukai dan insentif-insentif yang lain bagi memajukan lagi industri kecil ini di luar bandar. Begitu juga dengan cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Tuan Hassan Nam. Sebenarnya Kementerian saya sememangnya mahu membawa projek-projek industri ini ke kawasan luar bandar, tidak kira ianya kawasan kampung Orang Asli, kampung baru atau kampung tradisional, sekiranya didapati projek di situ ada dayamaju.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said juga ada membangkitkan mengenai kursus-kursus membaiki keretamotor oleh MARA. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, MARA telahpun menjalankan kursus tersebut sejak dari tahun 1968 lagi dan sehingga sekarang MARA telah melatih seramai 1,838 orang pelatih di dalam bidang pertukangan kajisawat motor termasuklah bidang mengetuk, mengecat kereta. Kursus-kursus ini dijalankan di Institut Kemahiran MARA (IKM).

Memandangkan kepada permintaan yang semakin bertambah, MARA sentiasa memperbanyakkan bidang-bidang kursus yang sesuai dengan kehendak semasa. Semua kursus itu adalah bergantung kepada

permintaan dan peluang-peluang pekerjaan yang sedia ada apabila para peserta tersebut meninggalkan IKM. Selain daripada itu KEMAS juga menyediakan latihan vokasional seperti memperbaiki enjin kereta, radio dan televisyen, begitu juga dengan kerja membuat batik dalam Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia dan KEMAS telah menjalankannya.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian saya sememangnya bersedia membawa perusahaan membatik ini ke negeri-negeri di Pantai Barat, sekiranya ada permintaan dari negeri-negeri tersebut.

Berhubung dengan gesaan Yang Berhormat Senator itu agar Kedutaan-kedutaan kita di luar negeri memainkan peranan memasarkan hasil-hasil kraftangan, nampaknya gesaan ini telahpun mendapat jaminan yang baik, bilamana Yang Berhormat Menteri Luar Negeri baru-baru ini mengarahkan agar semua Kedutaan kita di luar negeri dijadikan saluran pemasaran di luar negeri melalui aktiviti pameran dan penjualan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sememangnya sedar bahawa peluang pasaran batik di luar negeri sememangnya ada. Setakat ini kita hanya mampu menembusi pasaran-pasaran di Jepun dan Korea sahaja. Namun begitu, Batik Malaysia Berhad (BMB) sedang mengkaji pasaran-pasaran baru di Afrika dan Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja jawapan saya ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh mengenai Kementerian saya. Mana-mana perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak saya jawab, Kementerian saya sentiasa memberi perhatian dan tindakan yang

sewajarnya.

Sekali lagi saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil berat ke atas Kementerian saya dengan mengemukakan cadangan, pandangan dan teguran. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Timbalan Menteri Pengangkutan.

4.27 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Puan Hajjah Rahmah binti Othman]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran, pandangan serta cadangan-cadangan semasa perbahasan peringkat Dasar Belanjawan 1987 di Dewan yang mulia ini.

Cadangan-cadangan dan pandangan-pandangan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada kaitan sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan Kementerian Pengangkutan, saya ingin memberikan keyakinan bahawa semua cadangan, teguran dan pandangan yang membina itu akan diberikan pertimbangan sebaik-baiknya oleh Kementerian Pengangkutan.

Berhubung dengan tindakan ke atas kenderaan-kenderaan yang buruk dan berasap yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Ainon Ariffin yang boleh menyusahkan orang ramai dan menimbulkan masalah pencemaran udara, sukalah saya memaklumkan bahawa dalam soal ini Jabatan Pengangkutan Jalan telah mendapat kerjasama daripada pihak Polis dan Jabatan Alam Sekitar semasa mereka mengambil tindakan ke atas pemilik-pemilik kenderaan yang mengeluarkan asap yang kotor di atas jalanraya yang dilaporkan dan yang ditangkap waktu

mereka mengadakan kempen-kempen sebagai satu cara mengatasi masalah ini.

Itu berkenaan dengan kenderaan yang berasap. Berhubung dengan kenderaan yang buruk, suka saya memaklumkan bahawa Kementerian saya buat masa ini tidak dapat mengambil tindakan kerana tindakan ke atas kenderaan-kenderaan buruk yang mendatangkan masalah di jalan-jalanraya adalah diserahkan di bawah bidangkuasa pihak Polis. Memandangkan tidak ada peruntukan perundangan di bawah Ordinan Lalulintas bagi pihak JPJ untuk mengambil tindakan terhadap kenderaan-kenderaan tersebut, walau bagaimanapun ianya akan kita berikan perhatian.

Menyentuh berkenaan dengan pandangan yang dibawa oleh Yang Berhormat Tuan Stephen Timothy Wan Ullok supaya MAS menggunakan kapalterbang yang besar seperti Airbus untuk perkhidmatan di bandar-bandar di Sarawak, suka saya memaklumkan bahawa walaupun MAS sentiasa memberi perhatian bagi menentukan perkhidmatan ke bandar-bandar di Malaysia dapat memenuhi keperluan rakyat dan pelancong, penggunaan pesawat-pesawat yang lebih besar hanya boleh dipertimbangkan sekiranya lapanganterbang-lapanganterbang berkenaan mempunyai kemudahan untuk menerima pendaratan pesawat demikian. Dalam hal ini adalah penting juga bagi pihak MAS menentukan jumlah penerbangan yang sesuai diadakan mengikut keperluan trafik pada satu-satu jalan itu.

Semalam Yang Berhormat Tuan Hussein bin Ahmad telah mengemukakan beberapa cadangan. Saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada beliau. Saya ingin memaklumkan bahawa tindakan sedang diambil oleh Kementerian saya supaya gambar-gambar sejarah bekas pemimpin-pemimpin, pejuang-pejuang kemerdekaan dan gambar-gambar keindahan Malaysia, pandangan-pandangan yang harmoni berbilang kaum di negara ini dipasang di pintu-pintu masuk dan di ruang-ruang terbuka di lapangan terbang. Maka di sini saya sukalah tegaskan bahawa cadangan ini begitu baik dan untuk makluman kepada Ahli Yang Berhormat itu, sukalah saya memaklumkan bahawa Kementerian Pengangkutan memang bercadang hendak berbuat demikian, dan sebagai langkah pertama tindakan sedang diambil ke arah ini khususnya di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang yang merupakan pintu masuk utama ke Malaysia.

[Timbalan Yang di-Pertua Mengerusi Mesyuarat]

Mengenai dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Rokiah binti Zainuddin ke atas kerugian yang dialami oleh KTM ini antara sebab-sebab yang sebenarnya adalah daripada kekurangan jumlah penumpang itu sendiri. Misalnya jumlah penumpang pada tahun 1981 adalah sebanyak 7.4 juta orang yang telah turun kepada 6.4 juta orang pada tahun 1985. Ini telah menyebabkan kekurangan jumlah hasil yang sepatutnya diperolehi oleh KTM.

Berkenaan dengan video yang selalu rosak, suara juruhebah yang tidak baik dan jualan tiket yang bertindih, KTM senantiasa berusaha memberi keselesaan kepada penumpang-penumpangnya. Dan dengan adanya teguran dari Yang Berhormat itu, saya percaya KTM akan meningkatkan lagi usaha-usahanya itu bagi memperbaiki perkhidmatannya

demi keselesaan orang ramai semasa menggunakan KTM.

Berhubung dengan amaran had laju kenderaan, Kerajaan telah memutuskan bahawa ianya akan terus dilaksanakan. Pihak JPJ mempunyai cukup keupayaan untuk melaksanakannya.

Akhir sekali, saya ingin meyakinkan Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Pengangkutan akan memberikan perhatian yang sewajarnya kepada segala teguran, pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan mereka yang membina itu. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama memberikan jawapan. Dipersilakan.

4.33 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu suka saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh dan memberi cadangan terhadap perkara-perkara yang terletak di bawah bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Perusahaan Utama dalam perbincangan dasar-dasar am Belanjawan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Stephen Timothy Wan Ullok berkaitan dengan strategi pemasaran barangan utama, Kerajaan memang dan telah merangka strategi pemasaran barangan utama untuk meningkatkan eksport negara. Dalam hal ini, Kerajaan dari semasa ke semasa telah dan akan menghantar misi-misi perdagangan dan teknikal barangan utama kita ke pasaran-pasaran yang sedia ada dan pasaran-

pasaran baru di negara-negara pengguna. Di samping itu, Kerajaan telah menubuhkan Pusat-pusat Khidmat Nasihat Teknikal di beberapa negara pengguna untuk memberi nasihat dari segi teknikal kepada pengguna-pengguna barangan utama mereka supaya dapat menggunakan lebih banyak lagi barangan utama kita. Kerajaan juga sentiasa mengadakan dialog dengan negara-negara pengguna untuk mengurangkan dan jika boleh menghapuskan halangan tarif bukan tarif dan yang dikenakan oleh negara-negara pengguna.

Baru-baru ini Kerajaan telah memperkenalkan Skim Kredit (Eksport Credit Refinancing) untuk membiayai semula eksport barangan utama selama 180 hari dengan faedah yang lebih rendah pada kadar 6%. Kerajaan juga menggalakkan pengeksporan secara langsung oleh peniaga-peniaga dari Malaysia supaya mereka dapat menikmati lebih keuntungan daripada penjualan. Menerusi agensi-agensi yang berkenaan Kerajaan juga menjalankan kempen publisiti untuk mengatasi dakwah-dakwah buruk yang dibuat di beberapa negara pengguna terhadap barangan utama Malaysia khususnya minyak kelapa sawit. Kerajaan juga membuat kajian-kajian pasaran bagi barangan utama untuk mengenalpasti potensi-potensi yang ada di pasaran-pasaran yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang kedua yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat yang sama yang menyarankan supaya peribumi Sarawak diberi peluang bekerja atau menjalankan industri kayu balak di negeri Sarawak dan supaya diberi bantuan melalui tabung kewangan kepada mereka yang tidak mampu yang terlibat secara langsung dalam industri balak, izinkan saya memaklumkan bahawa perkara tanah dan perhutanan adalah di bawah jagaan Kerajaan Negeri. Oleh yang demikian, adalah terpulang kepada Kerajaan Negeri

Sarawak sama ada hendak mewujudkan tabung kewangan untuk membantu peribumi Sarawak yang tidak mampu melibatkan diri secara langsung dalam industri pembalakan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Senator Hassan Nam mengenai dusun durian di kawasan-kawasan Orang Asli terutama di Pahang, Negeri Sembilan dan Selangor, sukacita dimaklumkan bahawa perkara tersebut adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan ini. Sekiranya ada terdapat perkara-perkara lain yang dibangkitkan dan saya tidak dapat menjelaskannya, Kementerian Perusahaan Utama akan mengambil ingatan dan perhatian di atas perkara-perkara tersebut dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya di mana perlu bagi menyelesaikannya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Penerangan dipersilakan.

4.38 ptg.

Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Railey Jaffrey]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu sukalah saya mengambil kesempatan mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara yang telah menyentuh beberapa aspek berkenaan dengan Kementerian Penerangan. Sukalah saya memberikan penjelasan berkenaan dengan perkara-perkara yang telah dibangkitkan semenjak kelmarin.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom telah membangkitkan soal bayaran lebih masa kepada

kakitangan luar Jabatan Penerangan Malaysia. Di dalam perkara ini Jabatan Penerangan Malaysia mempunyai tiga kumpulan pegawai yang menjalankan tugas di luar iaitu:

- (a) Pembantu Penerangan;
- (b) Pembantu Luar Bahagian Hal Ehwal Khas; dan
- (c) Operator Wayang Gambar.

Pembantu Penerangan dan Pembantu Luar adalah di dalam kumpulan ' C ' dan kumpulan ini tidak layak diberi elaun lebih masa. Walau bagaimanapun, mereka diberikan elaun harian ataupun elaun bermalam sekiranya menjalankan tugas luar lebih daripada 8 jam dan di luar kawasan 25 kilometer dari pejabat mereka.

Operator wayang gambar memang diberikan elaun lebih masa semasa menjalankan tugas luar iaitu di luar masa pejabat dan masa cuti hujung minggu ataupun cuti umum.

Yang Berhormat juga telah menggesa Jabatan Penerangan supaya menyemak dan memperbaiki sistem ceramah jabatan ini seperti penggunaan perkataan kursus. Sukalah saya menjelaskan bahawa sebenarnya Jabatan Penerangan mempunyai berbagai-bagai cara seperti kursus, seminar, bengkel dan juga lawatan termasuk satu kegiatan yang baru dipanggil projek "anak angkat" iaitu menyampaikan satu-satu dasar Kerajaan kepada orang ramai. Ada kalanya perkataan kursus itu tidak dapat dielakkan penggunaannya kerana jika tidak satu-satu perjumpaan yang dianjurkan itu akan menjadi sambil lewa sahaja. Penggunaan perkataan kursus juga akan menjadikan peserta-peserta mengambil berat untuk mendengar dan menghayati satu-satu perjumpaan itu.

Melalui kegiatan berbagai-bagai ini Jabatan Penerangan dapat menyampaikan maklumat Kerajaan dan mewujudkan kesedaran kepada rakyat jelata akan tanggungjawab dalam negara yang merdeka lagi berdaulat ini. Kerajaan juga dapat menggesa rakyat jelata supaya turut serta dalam pembangunan negara dan bersama-sama dengan Kerajaan mempertahankan keselamatan dan kedaulatan negara dari ancaman dari dalam dan luar negeri.

Yang Berhormat itu juga telah menyentuh kesesuaian masa ceramah dengan keadaan masyarakat. Jabatan Penerangan memang mengambil perhatian berat mengenai keadaan ini. Ceramah-ceramah di adakan di sebelah petang, malam dan juga hari-hari cuti hujung minggu atau hari cuti umum. Setakat ini sambutan yang diberikan oleh masyarakat adalah memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin pula telah menyentuh beberapa perkara mengenai Jabatan Penyiaran di bawah Kementerian Penerangan dan menegaskan bahawa:

- (a) Kemudahan studio rakaman radio dan TV di RTM adalah out of date.
- (b) Rakaman radio di RTM juga adalah out of date.
- (c) Drama-drama RTM yang disiarkan sekarang adalah kurang bermutu kalau dibandingkan dengan drama-drama yang disiarkan pada tahun-tahun 60 an dan 70an.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penjelasan, memang diakui bahawa kebanyakan alat-alat kemudahan di studio rakaman Radio Televisyen Malaysia adalah berusia di antara 15 hingga 25 tahun umumnya. Namun begitu alat-alat baru juga ada didapati dan studio-studio ini masih digunakan dengan sepenuhnya untuk rakaman-rakaman rancangan. Pihak Kementerian Penerangan memang berhasrat untuk menukar alat-alat itu kepada yang lebih moden dan lebih baru tetapi ini akan memerlukan belanja yang amat besar. Walaupun begitu ini sedang dijalankan secara beransur-ansur.

Mengenai perkara (b), adalah tidak berapa tepat yang telah dikatakan bahawa rakaman radio out of date. Koleksi piring hitam yang ada sekarang adalah yang terbesar dan terlengkap di negara ini. Jumlah piring hitam yang ada mencukupi untuk keperluan kakitangan di Jabatan Penyiaran, selain itu rakaman RTM juga digunakan sebagai sumber rujukan oleh badan-badan di luar daripada RTM.

Drama-drama terbitan RTM dirancang menurut keperluan penonton sasaran. Konsep perancangan input drama kini lebih merupakan penyampaian hiburan dan maklumat. Oleh hal yang demikian dari segi perancangan skrip-skrip drama perlu juga menitikberatkan soal-soal dasar Kerajaan, integrasi nasional dan kempen-kempen semasa yang dijalankan dalam skrip cerita untuk dihayati oleh golongan penonton sasaran.

Drama radio dan TV bukanlah untuk hiburan semata-mata seperti di masa-masa yang lalu. Tentang penerimaannya oleh masyarakat, menurut SRM atau Standard Research Malaysia yang terakhir, drama-drama tempatan seperti siri Drama Minggu Ini, siri Santan Berlada, siri Opah, siri PJ Holding adalah tergolong di antara 10 rancangan-rancangan yang terkemuka di RTM. Misalnya jumlah penonton pada bulan Jun, 1986 adalah seperti berikut:-

Panggung RTM	-	3.6 juta
Santan Berlada	-	2.6 juta
Drama Minggu Ini	-	2.4 juta

Dari laporan ini adalah jelas bahawa Drama terbitan RTM adalah popular serta memenuhi selera penonton masa kini. Walau bagaimanapun RTM sedang berusaha untuk memperbaiki mutu dan bilangan skrip yang diterima. Teknik penggambaran dan persembahan juga sedang diperbaiki lagi.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai penjadualan rancangan-rancangan agama dan rancangan Mukaddam yang disiarkan di TV seperti yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang, sukalah saya maklumkan bahawa penjadualan rancangan-rancangan tersebut sudah pun diulangkaji dan akan dirombak kepada masa yang lebih sesuai mulai daripada bulan Januari tahun depan.

Dengan rombakan-rombakan itu nanti teguran-teguran yang seumpama itu yang telah dihangkitkan oleh Yang Berhormat yang berkenaan seperti memberikan peluang kepada kaum wanita juga akan diambil kira. Satu siri panduan ibadat yang dahulunya pernah disiarkan akan diperkenalkan semula.

Mengenai pakaian pembaca berita TV Malaysia, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, ianya akan diswastakan kepada tukang-tukang jahit yang mahir dan adalah diharapkan langkah ini akan meninggikan lagi kualiti pakaian-pakaian dan akan kelihatan lebih bersopan santun.

Saranan Yang Berhormat Tuan Hassan Nam tentang kesesuaian penjadualan rancangan khas untuk Orang-orang Asli juga akan dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, mengulas perkara yang telah dibangkitkan juga oleh Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang, Jabatan Penerangan seperti juga jabatan-jabatan lain sepanjang masa mengkaji dan meneliti segala kegiatan yang sedang dijalankan sama ada memberi manfaat dan difahami oleh orang ramai atau tidak. Oleh yang demikian, pembaharuan selalu dibuat dan diperbaiki bergantung kepada cara dan taktik menyampaikan maklumat supaya lebih berkesan kepada rakyat dan di mana sahaja mereka berada.

Jabatan Penerangan adalah memang memainkan peranan membimbing rakyat di samping itu juga menunjuk ajar. Jabatan Penerangan adalah diarahkan membuat kerja-kerja kepada tiga sasaran utama iaitu:-

- (i) Membimbing masyarakat sebagai pendidik umum.
- (ii) Memberi penerangan seluas-luasnya dan seringkas-ringkasnya agar rakyat negara ini menjadi rakyat yang well-informed atau diberitahu.

- (iii) Elemen hubungan dengan menayangkan wayang gambar berunsur kebudayaan, pendidikan dan juga pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim ada menyarankan supaya diwujudkan jawatan baru yang dipanggil pegawai penerangan agama di peringkat negeri dan daerah. Dalam hubungan ini pada hemat saya memadai dengan pegawai-pegawai agama yang dilantik oleh Kerajaan di peringkat negeri dan daerah melaksanakan soal-soal dan urusan agama. Pegawai penerangan khasnya pembantu-pembantu luar di Bahagian Hal Ehwal Khas memang boleh memberi ceramah agama tetapi tidaklah mendalam sehingga boleh mengajar rakyat cara-cara mengambil udhuk, cara-cara sembahyang dan sebagainya. Adalah disadari bahawa peranan itu boleh dimainkan oleh pegawai-pegawai Majlis Agama Islam dan pegawai-pegawai agama di negeri dan daerah masing-masing.

Menyentuh berkenaan pandangan Yang Berhormat Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim, Jabatan Penerangan menerbitkan penerbitan-penerbitan di antaranya risalah, poster dan juga buku-buku kecil untuk menerangkan sesuatu perkara ataupun dasar Kerajaan. Buku-buku kecil lazimnya mengandungi ucapan pemimpin-pemimpin negara seperti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan lain-lain. Buku kecil ini diberi nama 'Siri Ucapan Penting' dan diterbitkan dalam berbagai bahasa iaitu Bahasa Malaysia, bahasa Cina, bahasa Tamil, bahasa Inggeris dan juga ada dalam bahasa Kadazan dan bahasa Iban.

Selain daripada itu bilangan buku kecil yang diterbitkan dalam Bahasa Malaysia memang banyak kalau dibandingkan dengan bilangan buku-buku yang dicetak dalam bahasa-bahasa lain oleh kerana Jabatan Penerangan dan Kerajaan sedar bahawa ramai rakyat negara ini boleh membaca, menulis dan faham Bahasa Malaysia.

Yuan Yang di-Pertua, sebagai mengakhiri jawapan ini dengan ucapan terima kasih, saya sukalah memberi kesempatan sekali lagi mengucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Berhormat yang telah membahas dan memberikan pandangan-pandangan dan teguran kepada Kementerian Penerangan dan walaupun tidak semua perkara dibangkitkan telah saya jawab di sini tetapi pandangan-pandangan dan saranan itu telah diambil perhatian dan insya Allah tindakan sesuai, susulan yang wajar akan diambil terhadapnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk menjawab. Dipersilakan Yang Berhormat.

4.50 ptg.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan [Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di dalam perbahasan Belanjawan pada kali ini.

Yang Berhormat Tuan Haji Shahrom bin Maasom mengesyorkan supaya diperbanyakkan lagi pusat latihan belia di seluruh negara. Sebenarnya ini adalah hasrat Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan supaya pusat latihan belia dapat diwujudkan pada kesudahannya di tiap-tiap buah negeri sepatutnya pada hemat Kementerian mempunyai sebuah pusat latihan belia. Ini adalah kerana berdasarkan kepada permintaan yang dapat kita lihat pada tiap-tiap tahun yang memohon tempat dalam pusat latihan belia adalah jauh lebih banyak atau lebih ramai daripada keupayaan yang dapat ditampung oleh pusat latihan belia.

Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, Pusat Latihan Belia Dusun Tua umpamanya yang memohon pada tiap-tiap tahun lebih kurang 10,000 tetapi yang dapat diberi tempat hanyalah dalam kadar 800-900 orang sahaja. Sudah tentu jumlah itu tidak memuaskan kerana, Tuan Yang di-Pertua, mereka yang tidak mendapat tempat dalam pusat latihan belia adalah sebenarnya belia yang memerlukan bimbingan dan memerlukan kursus-kursus kemahiran, memerlukan kursus-kursus kepimpinan dan kursus-kursus perubahan sikap. Jika tidak, mereka ini akan menjadi penganggur, mereka akan menjadi belia yang akan merayap tak tentu arah dan akan menimbulkan banyak kesulitan dan masalah sosial.

Daripada segi peperangan kita menghadapi ancaman dadah, Tuan Yang di-Pertua, pada hemat Kementerian, tindakan pencegahan adalah lebih baik dan salau satu daripada cara pencegahan yang paling berkesan sekali ialah untuk memusatkan mereka ini dalam pusat latihan belia bagi latihan kemahiran, latihan kepimpinan dan daripada apa yang kita dapat lihat mereka ini semua boleh dikatakan adalah para belia yang amat berguna sekali kepada masyarakat dan mereka menjauhkan diri dari dadah dan juga kegiatan lain yang tidak sihat.

Namun demikian, di bawah Rancangan Malaysia Kelima Kerajaan telah meluluskan dua projek iaitu Pusat Latihan Belia, Jitra Kedah dan Pusat Latihan Bina Semangat di Langkawi dan dua buah lagi telah dikenalpasti tapaknya iaitu di Wakaf Tapai, Terengganu dan Sepang, Selangor.

Bagi tujuan tersebut, Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak \$2 juta, tetapi oleh kerana kemelesetan ekonomi, pelaksanaan kedua-dua projek itu terpaksa ditangguhkan buat sementara waktu.

Walau bagaimanapun, Kementerian akan berusaha untuk menambahkan kemudahan-kemudahan yang ada di pusat-pusat latihan belia yang telah wujud. Untuk tahun 1988, sebanyak \$2.35 juta telah diluluskan untuk kemudahan-kemudahan baru di Pusat Latihan Belia Dusun Tua, Selangor. Di bawah program Latihan Sambil Kerja, Skudai, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$2.6 juta untuk melatih 600 orang belia pada tahun hadapan, Kementerian juga berusaha untuk mengadakan program latihan seperti Latihan Sambil Kerja.

Yang Berhormat Senator Puan Rokiah binti Zainuddin menyentuh mengenai layanan dan ganjaran yang diberi kepada ahli sukan negara. Ahli sukan negara diberi beberapa kemudahan untuk menolong mereka menjalani latihan dalam usaha masing-masing, untuk memperbaiki taraf pencapaian di pertandingan, terutamanya di peringkat antarabangsa.

Beberapa program bantuan Uelah disediakan oleh Kerajaan melalui Majlis Sukan Negara untuk perkara ini. Butir-butirnya adalah seperti berikut:

- (1) Memberi bantuan melalui Persatuan Sukan Kebangsaan untuk menjalani latihan persediaan bagi menyertai pertandingan antarabangsa.
- (2) Membantu mereka melalui Persatuan Sukan Kebangsaan untuk menyertai pertandingan-pertandingan antarabangsa di dalam dan di luar negeri.
- (3) Membantu mereka melalui Persatuan Sukan Kebangsaan. Menyertai latihan di luar negeri di bawah jurulatih-jurulatih yang terpilih.
- (4) Memberikan bantuan kewangan melalui Skim Perangsang Ahli sukan mengikut taraf pencapaian masing-masing sama ada sebanyak \$250 sebulan, \$200 ataupun \$150.
- (5) Skim Hadiah Kemenangan yang telah dimulakan baru-baru ini kepada pemenang-pemenang pingat di Sukan Asia di Seoul yang baru lalu. Hadiah sepenuhnya yang meliputi pertandingan di

peringkat olimpik, ASEAN, SEA Games dan juga pertandingan-pertandingan yang boleh diterima sebagai bertaraf pertandingan dunia akan ditentukan dan akan diumumkan dalam sedikit masa lagi.

- (6) Memberikan perlindungan kepada ahli sukan kebangsaan insuran kemalangan yang bernilai \$10,000. Pihak Kementerian juga akan menimbangkan perlindungan insuran tambahan kepada penerima-penerima Skim Perangsang Ahli Sukan yang bernilai \$50,000.
- (7) Saguhati kerana kehilangan pendapatan semasa menjalani latihan persediaan untuk menyertai pertandingan yang dipilih.
- (8) Pemberian tiga biasiswa sukan pada tiap-tiap tahun untuk ahli-ahli sukan memasuki universiti di luar negeri dan juga institusi pelajaran tinggi di mana tempat-tempat tersebut akan mengadakan latihan yang tinggi dari segi taraf ataupun mutu profesionalismenya dan dengan harapan bahawa mereka ini akan balik dengan kelulusan akademik di samping mewakili negara kita di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Rokiah binti Zainuddin juga ingin tahu kedudukan mengenai projek Perpustakaan Awam di Negeri Kedah. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, peruntukan sebanyak \$1.5 juta bagi projek bangunan Perpustakaan Awam Negeri Kedah di Alor Setar telahpun diluluskan.

Perpustakaan Negara seterusnya telah mendapatkan seorang pakar dari United Kingdom untuk menyediakan Rancangan Pembangunan Perpustakaan Awam bagi negeri Kedah untuk jangkamasa 10 tahun dan juga untuk menyediakan "Architectural Brief" bagi bangunan Perpustakaan Awam Negeri Kedah.

Walau bagaimanapun, oleh kerana beberapa masalah mengenai tapak tanah untuk projek bangunan tersebut tidak dapat diselesaikan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga, pembinaan bangunan baru itu tidak dapat dimulakan.

Di bawah Rancangan Malaysia Keempat, peruntukan sebanyak \$3.1 juta telah diluluskan untuk projek bangunan Perpustakaan Awam Kedah. Sebanyak \$311,214.00 telah dibelanjakan dalam tahun 1982/83 untuk pembayaran iktisas bagi penyediaan pelan bangunan. Akan tetapi selepas Kajian Separuh Penggal RME, projek bangunan Perpustakaan Awam Negeri Kedah telah ditangguhkan oleh kerana keadaan kewangan negara tidak mengizinkan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian menyentuh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian, dipersilakan.

4.48 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian [Dato Kok Wee Kiat]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membentangkan pandangan dan cadangan mengenai beberapa perkara yang menyentuh Kementerian saya.

Yang Berhormat Senator Stephen Timothy Wan Ullok telah meminta Kerajaan menjalankan usaha untuk menarik pelancong-pelancong ke Sabah dan Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan melalui Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia dan MAS telah menjalankan berbagai-bagai jenis galakan untuk memperkenalkan Sabah dan Sarawak kepada pelancong-pelancong asing dengan tujuan untuk menarik mereka ke tempat-tempat peranginan di kedua-dua negeri itu. Umpamanya, dalam semua misi penggalakan di seberang laut, Sabah dan Sarawak tidak ketinggalan, sama ada dalam pertunjukan kebudayaan, tayangan gambar, pameran dan perhiasan kraftangan.

Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) bercadang untuk menyediakan skim tambang istimewa ke destinasi-destinasi MAS di Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak, bagi pelancong-pelancong asing yang datang ke Malaysia melalui Kuala Lumpur dan Pulau Pinang. Skim istimewa dalam bentuk potongan tambang sebanyak 50% ini adalah satu skim untuk menggalakan lebih ramai lagi para pelancong melawat Sabah dan Sarawak. Kerajaan akan terus menjalankan penggalakan pelancongan ke Malaysia termasuklah Sabah dan Sarawak.

Yang Berhormat Senator G. Rajoo telah meminta Kerajaan mengekalkan jawatan Pegawai Perdagangan di luar negeri dan menambahkan bilangan pegawai tersebut. Sukacita dimaklumkan bahawa adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk mengekalkan Pejabat-pejabat Perdagangan di luar negeri terutama sekali di pasaran-pasaran penting dalam usaha untuk menggalakkan eksport negara di pasaran luar dan juga memberi perkhidmatan kepada para pengeksport Malaysia. Di dalam konteks ini, Kerajaan akan sentiasa membuat pemilihan yang rapi ke atas bakal-bakal Pesuruhjaya Perdagangan yang akan berkhidmat di luar negeri untuk memastikan mereka benar-benar berkelayakan dan berpengalaman bagi meningkatkan prestasi pejabat-pejabat perdagangan di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Chan Choong Tak telah mencadangkan supaya Kerajaan membangunkan sektor perindustrian dengan menggalakkan pelabur-pelabur asing dan tempatan melabur di Malaysia. Beliau juga mencadangkan supaya peraturan-peraturan yang sedia akan dikurangkan dan insentif-insentif diberikan. Beliau juga telah menggesa supaya jaminan dibuat agar insentif dan peraturan tersebut tidak ditarik balik di dalam jangka masa yang singkat.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk menggalakkan pelaburan dalam sektor perindustrian. Galakan-galakan ini termasuk perlanjutan tempoh taraf perintis dari 5 tahun kepada 10 tahun bagi keluaran/aktiviti tertentu yang digalakan. Pengurangan pendapatan larasan sebanyak 80% berasaskan paras eksport dan pemberian elaun eksport kepada syarikat perdagangan.

Baru-baru ini Kerajaan telah juga melonggarkan syarat ekuiti bagi memudahkan lagi kemasukan pelaburan asing ke negara ini. Dengan kelonggaran ini pelabur asing dibenarkan memegang ekuiti majoriti sehingga 100% bagi syarikat yang mengeksport 50% atau lebih atau menggaji 350 pekerja penuh masa rakyat Malaysia atau lebih. Selain dari itu Kerajaan telah meningkatkan lagi tahap pengecualian pelesenan dari modal pemegang saham sejumlah M\$1 juta kepada M\$2.5 juta dan bilangan pekerja sepenuh masa dari 50 orang kepada 75 orang bagi memudahkan lagi pelabur-pelabur asing atau tempatan.

Mengenai kebimbangan Ahli Yang Berhormat bahawa galakan dan peraturan akan ditarik balik di dalam jangka masa yang singkat, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun peraturan dan galakan akan berubah dari masa ke semasa, pelaburan yang sedia ada tidak akan dijejas. Ini adalah kerana sesuatu peraturan atau galakan diperkenalkan untuk tempoh masa yang tertentu. Pelaburan yang dibuat di negara ini dalara tempoh itu akan tertakluk kepada peraturan atau galakan yang ada pada masa ini.

Jika peraturan atau galakan berubah, peraturan atau galakan baru ini hanya akan melibatkan pelaburan-pelaburan baru sahaja. Ini adalah nyata apabila Akta Galakan Pelaburan 1986 diperkenalkan dan Akta Galakan Pelaburan 1968 dimansuh. Walaupun Akta Galakan Pelaburan 1968 telah dimansuh dari 1hb Januari, 1986, projek-projek

yang telah diluluskan dengan galakan di bawah Akta tersebut akan terus menikmati galakan-galakan itu. Juga, semasa mengumumkan garis panduan bagi penyertaan ekuiti asing, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi jaminan bahawa pelaburan-pelaburan tertentu yang dibuat di negara ini di antara 1hb Oktober, 1986 dan 31hb Disember, 1990 tidak akan dikehendaki menyusun semula pelaburan mereka selama mereka ada di negara ini.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam. Tidak ada. Yang Berhormat Menteri Pertanian dipersilakan untuk menjawab.

5.07 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian [Tuan Luhah Wan]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan teguran dan pandangan terhadap Kementerian Pertanian semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1987.

Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom, Yang Berhormat Puan Rokiah binti Zainuddin, Yang Berhormat Tuan Haji Hussein bin Ahmad dan Yang Berhormat Tuan Chan Choong Tak, telah menyentuh mengenai pembangunan sawah terbiar. Maka ingin saya jelaskan di sini bahawa sehingga kini Kementerian Pertanian berjaya memulihkan lebih 30,000 hektar tanah sawah terbiar di seluruh negara. Antara projek sawah terbiar yang dipulihkan adalah:

- (1) Di Kampung Perluk Lama, Sungkai, Daerah Batang Padang, Perak, di mana seluas 60.7 hektar sawah terbiar telah dipulihkan dengan tanaman kelapa sawit.
- (2) Di Kampung Daching, Daerah Lenggong, Negeri Sembilan, seluas 142 hektar sawah terbiar telah dipulihkan

dengan tanaman padi yang diusahakan dengan secara berkelompok.

- (3) Satu lagi kawasan yang dipulihkan dengan tanaman padi ialah Bukit Kong, Pasir Mas, Kelantan, iaitu seluas 400 hektar.
- (4) Seluas 22.2 hektar sawah terbiar di Kampung Tamin Lama, Kota Tinggi, Johor, telahpun dimajukan dengan tanaman pokok buku duku langsung.
- (5) Seluas 20 hektar sawah terbiar di Hutan Lembab Mata Air, Perlis telah ditanamkan dengan pokok mangga.

Senarai yang lengkap mengenai projek-projek sawah terbiar yang dimajukan oleh Kementerian Pertanian bolehlah Yang Berhormat sekalian hubungi saya untuk mendapatkannya dan Yang Berhormat juga bolehlah memilih di antara projek tersebut untuk dilawati.

Mengenai program lembu tenusu seperti yang disentuh oleh Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom, ingin saya menyatakan di sini bahawa asas perjalanan serta persambungan projek lembu tenusu di peringkat penternak-penternak bergantung kepada keperluan Dasar Pertanian Negara yang menitikberatkan kepada kecekapan, penggunaan sumber ekonomi dan pulangan hasil.

Penternak-penternak sendiri adalah sensitif kepada ini dan mengambil tindakan sendiri dan secara sukarela di dalam beberapa bidang. Ramai penternak-penternak yang inovatif dan membuat berbagai jenis pembaharuan dan dapat diatasi di dalam pengurusan dan bentuk usaha, termasuk menambahkan jumlah ternakan. Sementara itu, ada juga penternak yang menghadapi tekanan untuk membuat perubahan-perubahan dan memilih untuk berhenti. Kadar yang berhenti di kalangan penternak-penternak ternusu lebih kurang 20%. Antara faktor yang berkaitan:

- (1) penternak mempunyai aktiviti lain yang diberikan lebih tumpuan;
- (2) penternak-penternak belia berhenti atas sebab-sebab sosial, terdapat sebahagian kecil gadis memandang rendah kerja menternak sukar mendapat jodoh;
- (3) menyertai skim rancangan tanah; dan
- (4) ketiadaan sumber bekalan rumput kerana tanah-tanah yang digunakan selama ini tidak dibenarkan lagi oleh pihak-pihak berkenaan mengganakannya, contohnya LLN dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, beliau juga telah menyentuh mengenai penyelidikan yang dijalankan oleh MARDI dan saya ingin jelaskan di sini bahawa tidak semua kajian ke atas jenis-jenis tanaman yang dikaji oleh MARDI memakan masa yang lama. Ada juga kajian terhadap jenis-jenis tanaman mengambil masa yang cepat jika masa keputusan yang diperolehi bergantung kepada jenis tanaman, bentuk masalah yang ingin dikaji dan mengikut musim. Tiap-tiap ujian perlu dijalankan

dengan sistematik untuk memastikan ianya dapat digunakan oleh golongan secara tertentu. Oleh itu, ujian-ujian perlu dijalankan di stesen-stesen dan di kawasan tertentu, termasuk kawasan pertanian untuk memastikan kesesuaiannya dengan keadaan setempat. Ujian-ujian ini kadangkala memakan masa yang lama. Terdapat juga ujian yang sama terus dijalankan di kawasan-kawasan setempat dengan memakan masa yang singkat di antara 2 hingga 3 tahun. Pada keseluruhannya teknologi-teknologi yang mana dianggap sesuai akan terus diedarkan kepada client tertentu.

Akhirnya, saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat kerana memberi teguran-teguran yang berguna kepada Kementerian Pertanian. Kerajaan sentiasa mengambil perhatian yang berat terhadap pembangunan sektor pertanian demi untuk meninggikan lagi taraf hidup dan pendapatan petani-petani dan nelayan-nelayan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Menteri Luar Negeri untuk memberi jawapan tidak ada.

Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dijemput untuk memberi jawapan. Dipersilakan.

5.13 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Batuk Amar Stephen Yong Kuet Tze]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin kerana membangkitkan masalah pencemaran udara yang berpunca dari pelepasan asap kenderaan di jalan-jalan raya.

Jabatan Alam Sekitar telahpun menjalankan beberapa langkah bagi mengawal pencemaran udara yang disebabkan oleh pelepasan asap hitam dari ekzos kenderaan-kenderaan. Antaranya ialah:

- (1) Mempergiatkan lagi kerja-kerja kempen penguatkuasaan Kaedah-kaedah Kereta Motor (Kawalan Pelepasan Asap dan Gas) 1977. Kempen-kempen ini dijalankan dengan cara sekatan jalan raya (spot check) dengan kerjasama pihak Polis, Trafik dan Jabatan Pengangkutan Jalan. Kempen ini dijalankan di seluruh negara. Tindakan undang-undang akan diambil terhadap tuanpunya atau pemandu kenderaan yang didapati bersalah melanggar undang-undang ini.
- (2) Mengadakan perkhidmatan ujian pelepasan asap secara percuma kepada pengusaha-pengusaha kenderaan diesel (untuk sementara waktu sahaja) sebanyak 7 kali pada tahun ini sebagai salah satu langkah segera dalam merangka untuk mengatasi masalah pencemaran ini. Perkhidmatan ini adalah bertujuan untuk menolong pihak swasta dalam mengetahui paras pelepasan asap kenderaan serta tahap pematuhan kenderaannya terhadap undang-undang yang ada. Seterusnya, terserahlah kepada tuanpunya-tuanpunya kenderaan untuk mengadakan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan yang sempurna agar kenderaan masing-masing dapat mematuhi undang-undang pelepasan asap yang dikuatkuasakan. Perkhidmatan ini juga telah dijalankan oleh Pejabat-pejabat Wilayah Alam Sekitar bagi seluruh negeri-negeri di Malaysia.
- (3) Memperkenalkan Sistem Kad Pelaporan Orang Ramai, Program Pengawasan dan Penguatkuasaan Undang-undang Mengenai Alam Sekitar. Sistem ini adalah bertujuan untuk mendapatkan penglibatan orang ramai di dalam melaporkan aduan kes-ke9 pencemaran (termasuk pencemaran asap hitam berlebihan oleh

kenderaan diesel) untuk memperolehi maklumat bagi membantu dan meningkatkan prestasi penguatkuasaan kaedah-kaedah serta peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling. Buat masa sekarang, pendedaran kad ini adalah dihadkan kepada Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar,

- (4) Bagi menghadkan kuantiti pelepasan habuk plumbum ke dalam udara, Jabatan Alam Sekitar telah menggubal Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kepekatan Plumbum Dalam Gasolin Motor) 1985 dan telah dikuatkuasakan mulai 1hb Julai, 1985. Peraturan ini mewajibkan para pekilang dan pengimport petrol supaya menurunkan kandungan plumbum dalam petrol dari 0.84 gram tiap-tiap 1 liter ke paras 0.4 gram tiap-tiap 1 liter mulai 1hb Julai, 1985 dan seterusnya ke paras 0.15 gram tiap-tiap 1 liter pada 1hb Januari, 1990. Dengan ini, jumlah kandungan plumbum dalam udara, terutamanya di kawasan bandar, dijangka terkawal dengan pengurangan kandungan plumbum dalam minyak petrol ini.
- (5) Satu Jawatankuasa Pasukan Petugas Mengenai Kawalan Pencemaran Udara oleh Kenderaan Bermotor (Diesel) bagi peringkat kebangsaan telah ditubuhkan. Tujuan penubuhan pasukan ini ialah untuk mengawasi kemajuan pelaksanaan strategi-strategi yang telah dirancangkan serta mengadakan perbincangan-perbincangan untuk mempertingkatkan lagi usaha dan kerja-kerja ke arah pencapaian matlamat yang dikehendaki. Pasukan Petugas ini adalah terdiri daripada agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan seperti Jabatan Alam

Sekitar, Jabatan Pengangkutan Jalan, Polis, Persatuan-persatuan Orang Awam, Industri Petroleum dan wakil-wakil dari sektor Pengangkutan.

- (6) Di samping kerja-kerja penguatkuasaan kawalan pelepasan asap hitam yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar ini, pihak Jabatan Pengangkutan Jalan juga telah mengambil perhatian yang berat tentang paras pelepasan asap bagi semua kenderaan komersial berdiesel yang datang untuk pemeriksaan wajib 6 bulan sekali di Pejabat-pejabat Pengangkutan Jalan di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih atas minat yang ditunjukkan terhadap masalah pencemaran dan semoga tiap-tiap rakyat negara ini termasuk tokoh-tokoh politik akan memainkan peranan yang sewajarnya untuk mewujudkan satu alam sekitar yang selesa dan sempurna. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Pertahanan untuk memberi jawapan. Persilakan.

5.21 ptg.

Menteri Pertahanan [Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Haji Abu Bakar bin Lajim dan Senator Tuan Haji Hussein bin Ahmad kerana telah memberi perhatian kepada Kementerian Pertahanan dalam perbahasan yang lalu.

Yang Berhormat Senator Haji Abu Bakar bin Lajim melahirkan rasa kurang puas hati dengan peruntukan kecil yang telah diberikan kepada Kementerian Pertahanan kerana peruntukan yang kecil mengikut beliau boleh menjejaskan sistem pertahanan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar bahawa peruntukan yang kecil untuk Kementerian Pertahanan bagi tahun 1987 adalah berkurangan. Namun saya sukalah memberi jaminan dalam suasana kemelesetan ekonomi negara yang kita hadapi sekarang serta dengan keadaan pergolakan serantau dan antarabangsa yang kian mencabar ini, kita tidak akan mengabaikan keperluan keselamatan negara. Usaha untuk mempermoden dan memperlengkapkan seluruh sistem pertahanan negara akan diteruskan. Walaupun rancangan perkembangan Angkatan Tentera tidak dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya, namun keupayaan dan

kemampuan Angkatan Tentera dalam mengekalkan keselamatan dan keamanan negara tidak pernah terjejas. Saya inginlah memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawasanya rancangan yang telahpun dibuat untuk membesarkan Angkatan Tentera itu akan tetap menjadi rancangan walaupun pelaksanaannya itu terpaksa dibuat beransur-ansur mengikut keupayaan kewangan yang ada pada kita.

Yang Berhormat Senator Haji Abu Bakar Lajim juga menyarankan supaya Kerajaan merangka satu sistem pertahanan yang menyeluruh dengan mengambil kira pergeseran kuasa-kuasa besar di Asia Tenggara yang boleh menjejaskan keselamatan negara kita. Sistem pertahanan yang telah dirangka telah mengenalpasti setiap pergolakan di sekitar rantau ini akibat limpahan persiapan kuasa-kuasa besar. Walaupun begitu, persiapan yang dilakukan oleh Kerajaan adalah untuk menghadapi kemungkinan-kemungkinan yang berlaku dalam rantau ini sahaja, persiapan tertumpu kepada usaha menghadapi ancaman-ancaman konvensional.

Saya sukalah menegaskan dalam Dewan ini bahawasanya dalam persiapan kita bagi menghadapi sebarang ancaman itu, kita memastikan bahawa keupayaan kita untuk menangkisnya adalah mesti sama kuat dengan kekuatan ancaman ataupun mestilah melebihi darinya kerana sebarang kekurangan yang terdapat kepada kemampuan untuk menangkis ancaman akan mengakibatkan kepada kemusnahan, ertinya kemusnahan segala pembangunan yang kita nikmati selama ini dan juga yang paling dibimbangkan kemusnahan ataupun kehilangan kemerdekaan dan juga kedaulatan bangsa dan negara. Maka sebab itulah segala persiapan itu mesti ada daripada segi pertahanan negara dan insya Allah, saya percaya dengan usaha-usaha yang dijalankan ini dapat kita mencapainya.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussein bin Ahmad pula membangkitkan rasa kebimbangan beliau terhadap kemungkinan negara kita menjadi sasaran peluru-peluru berpandu dari negara-negara yang berdekatan. Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya inginlah mengata-an bahawasanya kemungkinan negara ini menjadi sasaran peluru-peluru berpandu ataupun nuklear bomb musuh adalah satu perkara yang tidak dapat kita ramalkan. Kita patut mengingatkan diri kita bahawa seandainya peperangan telah menyebabkan penggunaan peluru-peluru berpandu, maka kehancuran seluruh dunia sudah pasti akan berlaku. Dari segi strategik nuklear, tidak ada satu kuasa besar yang ingin memulakan pelancaran senjata nuklear kerana kesannya akan mengakibatkan kehancuran semua pihak. Dalam hal ini sebagai sebuah negara kecil, Malaysia akan menyediakan sistem pertahanan untuk ancaman-ancaman yang terbatas sahaja.

Yang Berkhidmat Senator Abu Bakar Lajim juga telah mengesyorkan kepada Kementerian Pertahanan supaya mengadakan forum tertutup mengenai hal-hal berkaitan dengan pertahanan negara untuk Ahli-ahli Parlimen supaya mereka jelas mengetahui masalah pertahanan negara dengan lebih jelas lagi.

Di sini sukacitalah saya memaklumkan kepada Dewan ini bahawa syor yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan telahpun dibuat oleh Kementerian Pertahanan di mana baru-baru ini saya telah menjemput semua Wakil Rakyat dari Barisan Nasional melawat Kementerian Pertahanan. Sambutan yang diberikan oleh Wakil-wakil Rakyat tersebut adalah menggalakkan. Lawatan sehari di Kementerian Pertahanan telah membolehkan mereka melihat secara dekat peranan yang dimainkan oleh Angkatan Tentera dalam mempertahankan

negara. Di samping taklimat dan dialog, pameran statik alat-alat kelengkapan tentera juga diadakan khas untuk mereka. Insya Allah, saya juga akan mempelawa Ahli-ahli Dewan Negara untuk melawat Kementerian Pertahanan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja jawapan saya kepada ulasan terhadap perkara-perkara yang ditimbulkan oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1987 mengenai Kementerian Pertahanan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Dipersilakan.

5.25 ptg.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah [Dato' Dr. Suliaian bin Haji Daud]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran dan pandangan mengenai perkara yang berkaitan dengan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom telah menarik perhatian Kementerian ini terhadap banyak lagi tanah-tanah terbiar yang masih belum dipulihkan yang dipenuhi dengan, katanya, pokok-pokok rumbia, lalang, purun dan sebagainya.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini bahawa mengikut perangkaan yang disediakan oleh Unit Pelaksana dan Penyelarasan, Jabatan Perdana Menteri terdapat kira-kira 565,000 hektar tanah terbiar di seluruh negara.

Bagi tujuan penyatuan dan pemulihan tanah terbiar ini, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah melalui FELCRA telahpun mengatur program-program untuk memulihkan tanah-tanah tersebut di seluruh negara hingga menjelang tahun 1985 dan ini adalah tertakluk

kepada peruntukan kewangan yang dapat diperolehi dari setahun ke setahun.

Semenjak FELCRA memulakan pemulihan tanah-tanah terbiar dari tahun 1983 hingga Oktober, 1986, pencapaian FELCRA dalam usaha-usaha pemulihan ini adalah seluas 64,369 hektar. Program FELCRA di dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima ialah untuk memajukan 110,000 hektar tanah terbiar. Bagi tahun 1987 FELCRA merancang untuk membangunkan 30,000 hektar lagi terbiar di seluruh negara

Dalam melaksanakan usaha-usaha pemulihan tanah terbiar ini, pihak FELCRA sentiasa menghadapi berbagai-bagai masalah terutamanya masalah untuk mendapatkan persetujuan dari tuan-tuan tanah untuk menyertai projek-projek FELCRA di mana terpaksa dikesan tuan-tuan tanah yang telah berpindah ke bandar ataupun ke negeri-negeri lain, Oleh yang demikian, dalam usaha memulihkan tanah-tanah terbiar ini FELCRA akan hanya memajukan kawasan-kawasan yang telah diperolehi persetujuannya dari tuan-tuan tanah dan tanah itu pula didapati sesuai untuk pertanian.

Dalam usaha untuk mengatasi masalah ini, FELCRA telah mengadakan majlis-majlis dialog, penenangan serta perjumpaan dengan tuan-tuan tanah untuk menjelaskan kepada mereka mengenai program dan usaha FELCRA supaya mereka bersetuju membenarkan FELCRA memulihkan tanah-tanah mereka.

Di samping itu, FELCRA juga menghadapi masalah dengan pejabat-pejabat tanah di mana kadang-kadang FELCRA terpaksa mendahulukan pembayaran tunggakan cukai-cukai tanah sebelum usaha-usaha pemulihan tanah berkenaan dapat dijalankan. Walau bagaimanapun, masalah-masalah ini dapat diselesaikan dengan kerjasama dari Pejabat-pejabat

Tanah berkenaan. Kawasan yang masih terbiar seperti yang di lihat oleh Ahli Yang Berhormat mungkin merupakan kawasan-kawasan tanah terbiar yang belum lagi dapat dimajukan oleh agensi-agensi pembangunan tanah luar bandar seperti FELCRA kerana sebab-sebab seperti yang telah dinyatakan. Walau bagaimanapun, FELCRA sentiasa berusaha untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi supaya usaha-usaha pemulihan dapat dilaksanakan dengan lancar. Dalam hal ini, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah sentiasa memerlukan bantuan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian untuk mengenalpasti kawasan-kawasan tanah terbiar di seluruh negara yang boleh dipulihkan oleh pihak FELCRA.

Yang Berhormat Senator Peter Timothy Wan Ullok, Yang Berhormat Tiong Hiew King dan Yang Berhormat Senator Wong Kie Yik telah mengesyorkan supaya FELDA, FELCRA dan RISDA memberi kerjasama kepada Kerajaan negeri Sarawak dengan mengembangkan aktivitinya ke Sarawak dengan lebih pesat supaya rakyat di sana dapat juga menikmati pembangunan tanah seperti di Semenanjung Malaysia.

Yang Berhormat Senator Wong Kie Yik seterusnya telah menyatakan supaya pihak FELDA dan FELCRA dapat bergiat dengan lebih aktif lagi di Sarawak memandangkan kedua-dua agensi ini mempunyai pengalaman dan kepakaran serta peruntukan yang besar dalam bidang pembangunan tanah,

Menurut beliau penduduk-penduduk khususnya mereka di luar bandar yang hidup berkelompok, terpencil dalam suasana atau keadaan primitif perlu dipindahkan semula secara beramai-ramai ke tempat-tempat yang mempunyai kemudahan-kemudahan yang lebih moden dan sempurna.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dalam tahun ini agensi FELDA sedang memajukan kawasan seluas 667 hektar kawasan padi di Bahagian Pertama Sarawak, manakala agensi FELCRA pula telah menjalankan projek tanaman lada sulah ,atau lebih terkenal dengan lada hitam, getah dan koko di Babagian Ketiga,Sarawak sejak tahun 1973. Maklumat-maklumat lanjut adalah seperti berikut Nanga Tada, Nanga Nungun, Nanga Jaga dan Sekuau luas kawasan getah iaiah 1,287 hektar, lada sulah 353 hektar dan koko 231 hektar.

Dalam Rancangan Malaysia Kelima, FELCRA merancang untuk memajukan 2,400 hektar tanah di Sarawak iaitu 1,600 hektar di Bahagian Pertama dan 800 hektar di Babagian Kedua, Sarawak.Sementara FELDA pula akan melaksanakan pembukaan tanah seluas 2,076 hektar dalam Bahagian Pertama iaitu di Sempadi. Bagaimanapun perundingan

masih lagi berjalan di antara Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, khususnya FELDA dan FELCRA dengan Kerajaan Negeri Sarawak untuk mendapatkan kawasan yang lebih luas lagi untuk dimajukan oleh FELDA dan FELCRA.

Memanglah menjadi hasrat kita, khususnya FELDA untuk membuka kawasan-kawasan di Sarawak yang belum lagi diusahakan oleh pihak FELDA selama ini. Dalam hal ini, FELDA akan mempergiatkan lagi usaha-usaha pembukaan tanah di Sarawak dengan seberapa cepat yang boleh untuk tanaman kelapa sawit, getah dan koko serta menggalakkan pembangunan tanah mengikut konsep FELDA yang mempunyai kawasan perkampungan yang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan sosial dan kemudahan asas yang diperlukan seperti jalanraya, bekalan air, elektrik, sekolah, kedai-kedai dan sebagainya,

Sepertimana Yang Berhormat Senator-senator sedia maklum banyak juga tanah-tanah di Sarawak adalah dimiliki di bawah "Customary Rights", dengan izin, "Tanah Rizab Bumiputra."

Dalam hubungan ini agensi-agensi di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah seperti FELDA dan FELCRA akan terus berunding dengan Kerajaan Negeri Sarawak untuk mendapatkan persetujuan sebelum ianya melaksanakan pembangunan tanah di kawasan Tanah Rizab Bumiputra ini untuk kepentingan rakyat.

Mengenai pelaksanaan projek oleh RISDA di Sarawak, sukalah saya memaklumkan bahawa pada masa ini RISDA tidak terlibat dengan kegiatan penanaman semula di Sarawak kerana fungsi itu dijalankan oleh Jabatan Pertanian negeri tersebut. Walau bagaimanapun, RISDA telah membuat lawatan dan kajian di Sarawak dan memaklumkan ada bidang-bidang tertentu yang mana RISDA boleh memberi kerjasama, akan tetapi pada masa ini ianya belum dapat dilaksanakan oleh kerana belum ada persetujuan daripada kedua-dua belah pihak secara rasmi.

Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Salbiah binti. Mohd. Akim telah membangkitkan mengenai pelaksanaan projek-projek oleh Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang atau PERDA. Yang Berhormat telah menyatakan bahawa PERDA telah lama ditubuhkan dan pegawai-pegawainya pernah melawat ke kampung-kampung di Pulau Pinang tetapi projek-projek belum lagi dilaksanakan. Oleh yang demikian, mereka merasakan terkilan sedikit,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, di dalam pelaksanaan sesuatu projek itu walaupun perancangannya telah diluluskan adalah tertakluk kepada peruntukan yang ada. Begitulah juga dengan pihak PERDA yang melaksanakan projek-projeknya berdasarkan kepada rancangan dan juga kumpulan sasaran yang tertentu yang telah diluluskan dan mendapat peruntukkan. Oleh yang demikian, permohonan oleh sebahagian masyarakat luar bandar Pulau Pinang untuk menyertai projek-projek PERDA buat masa ini masih belum dapat dilaksanakan sepenuhnya. Walau bagaimanapun, Kementerian ini melalui PERDA akan sentiasa berusaha untuk mengkaji dan mendapatkan peruntukan bagi pelaksanaan projek-projeknya untuk kepentingan masyarakat luar bandar di Pulau Pinang. Setakat ini beberapa projek kecil telahpun dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja jawapan dan ulasan saya mengenai perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan segala syor dan teguran serta saranan-sarann yang lain, saya akan ambil perhatian dan di mana difikirkan perlu kita akan laksanakan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Pelajaran dipersilakan.

5.35 ptg

Menteri Pelajaran [Tuan Anwar bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memulakan dengan menyatakan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan, teguran-teguran, cadangan-cadangan dan kritikan-kritikan terhadap perjalanan dan pelaksanaan kerja-kerja di Kementerian Pelajaran.

Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Azizah binti Mohd. Said telah meminta supaya Dasar Pelajaran Kebangsaan dikaji semula berasas kepada keadaan politik dan suasana persekitaran sekarang. Ingin kami tegaskan bahawa Dasar Pelajaran Kebangsaan itu tetap dipertahankan berdasarkan Penyata Abdul Razak dan Penyata Abdul Rahman Talib kerana tujuannya adalah-untuk mencari titik pertemuan dan melahirkan masyarakat Malaysia yang bersatu-padu. Apa yang diperlukan ialah mengukuhkan Dasar Pelajaran Kebangsaan ini dengan usaha melahirkan insan soleh yang mempunyai disiplin dan kekuatan moral disamping mempunyai kecintaan terhadap negara kita.

Langkah yang harus diambil ialah mengkaji semula Akta Pelajaran 1961 supaya semangat dari Penyata Abdul Razak dan Abdul Rahman Talib itu diperkukuhkan untuk mencapai matlamat yang sama-sama telah kita persetujui. Langkah inilah yang sedang difikirkan dan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini akan diambil kira dan Kementerian bercadang untuk memberikan pendedahan yang lebih supaya pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat dapat membantu kita dalam mengemukakan draft pindaan Akta Pelajaran 1961.

Senator Puan Hajjah Azizah dan Yang Berhormat Dato' Nasir bin Haji Manap telah menyarankan supaya matapelajaran sejarah diadakan dalam Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM); dan jika boleh dijadikan matapelajaran wajib. Saya ingin tegaskan bahawa dalam rancangan KBSM yang diubahsuai dan dipinda selatang, matapelajaran Sejarah akan merupakan mata pelajaran teras yang akan diwajibkan di peringkat rendah. Cadangan awal untuk mengadakan matapelajaran kemasyarakatan untuk menggantikan matapelajaran Sejarah dan Ilmu Alam telah ditolak.

Di peringkat menengah pula, matapelajaran Sejarah akan terus diajar sebagai mata pelajaran pilihan terbuka kepada semua murid. Di samping itu, untuk memperkukuhkan semangat kesedaran bangsa, perjuangan dan sejarah tanahair kita sendiri, matapelajaran kewarganegaraan yang mengutamakan aspek-aspek sejarah perkembangan dan perjuangan bangsa dan negara serta memupukkan semangat perpaduan dan kecintaan terhadap negara akan diperkenalkan dan diluaskan untuk semua pelajar-pelajar.

Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Azizah juga dan Yang Berhormat Dato' Haji Zakaria Yahya telah menyarankan supaya tulisan jawi dijadikan mata pelajaran wajib di semua peringkat persekolahan bagi meningkatkan mutu tulisan tersebut. Kami menyambut baik cadangan tersebut kerana pelaksanaan kini nampaknya terdapat kelemahan-kelemahan. Sebab itulah langkah-langkah tertentu untuk memelihara dan meningkatkan kebolehan serta kemahiran murid-murid menggunakan tulisan jawi harus ditingkatkan. Pada masa ini tulisan jawi diajar di dalam pelajaran Bahasa Malaysia mulai Darjah II, sementara itu murid-murid juga belajar tulisan jawi dalam kelas agama Islam sejak Darjah 1 lagi.

Memandangkan teguran-teguran dari Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh ahli-ahli bahasa dari masa ke semasa, perkara ini telah diberikan perhatian dalam kajian semula dan dalam usaha memperkenalkan Kurikulum Baru Sekolah Menengah supaya tulisan Jawi bukan sahaja diajar tetapi penguasaannya dapat terjamin. Di samping itu, matapelajaran tulisan Jawi telahpun dijadikan kursus wajib di Maktab Perguruan Islam untuk melahirkan guru-guru yang mahir dalam tulisan Jawi. Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerbitkan buku Pedoman Ejaan Jawi yang disempurnakan dan sekiranya sedang menyusun satu Daftar Ejaan Rumi-Jawi untuk kegunaan rujukan umum. Langkah-langkah yang diambil buat sementara ini adalah mencukupi bagi melatih murid-murid untuk menguasai tulisan Jawi sekiranya dapat kita perkukuhkan pelaksanaannya nanti.

Yang Berhormat Senator Datuk Nasir bin Haji Manap telah meminta supaya Pegawai Pelajaran Daerah (PPD) diwujudkan di Melaka terutamanya di Alor Gajah dan Jasin untuk kepentingan masyarakat dan murid-murid. Saya tentunya bersetuju kerana kekurangan PPD ini amat dirasakan di Melaka dan di Pulau Pinang. Malangnya keadaan kewangan negara belum lagi membolehkan kita menambahkan jumlah PPD yang ada. Cuma ingin saya nyatakan bahawa Kementerian mampu mewujudkan sebanyak 57 PPD setakat ini yang berkuatkuasa mulai 1hb. Januari, 1982. Sebagai langkah pertama bagi memperkemaskan lagi pentadbiran pelajaran bagi meningkatkan taraf pendidikan di negara kita.

Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Azizah juga telah mendakwa bahawa pelajaran muzik membebankan murid-murid sekolah rendah dan tidak sesuai diajar di peringkat umum yang raasih mentah terutama bila dikaitkan dengan agama. Beliau meminta supaya perkara ini

dikaji semula dan dikeluarkan dari KBSR.

Kementerian sebenarnya tidak bercadang untuk mengeluarkan mata-pelajaran muzik dari KBSR. Pelajaran muzik yang dilihat dalam konteksnya sekarang terutama yang terikat kepada kurikulum KBSR, sebenarnya bertujuan untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih mengembirakan terutama kepada murid-murid sekolah rendah. Sekiranya ada aspek-aspek sukatan atau pelaksanaan yang dikira lemah atau janggal atau mempunyai kelemahan-kelemahan yang ketara, kami ingin memberi jaminan bahawa langkah-langkah akan diambil untuk memperbaikinya. Akan tetapi perlulah dijelaskan bahawa maksud pelajaran muzik dalam KBSR bukanlah untuk memperkenalkan heavy metal rock, tetapi untuk menyerapkan semangat kecintaan kepada negara, menyerapkan unsur-unsur kewarganegaraan, menanam rasa kasih sayang kepada ibu bapa, negara dan guru-guru, yakni satu usaha untuk menyerapkan nilai-nilai moral yang baik, memperkenalkan lagu-lagu patriotik. Kalau inilah yang difahamkan dari muzik dalam KBSR maka matapelajaran ini, Tuan Yang di-Pertua, haruslah dipertahankan.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Shaharom bin Maasom telah mendakwa bahawa ada bangunan-bangunan sekolah di kampung-kampung yang baru tetapi tidak ada pelajar, keadaan kosong dan terbiar. Contohnya Sekolah Kebangsaan Tanjong Semberong dan Sri Bringgin di Batu Pahat. Saya pun kurang faham macam mana boleh jadi. Walau bagaimanapun, saya ingin menjelaskan bahawa dari segi dasar dan pelaksanaan sekolah-sekolah itu didirikan bukan semata-mata kerana ada permintaan masyarakat di sesuatu tempat tetapi ada keperluan yang mendesak dan kawasan yang sesuai dan peruntukan kewangan yang ada

Yang Berhormat nampaknya mengangguk-angguk mempertahankan pandangan beliau itu. Saya pun nampaknya tertarik untuk bersetuju dengan beliau. Cuma pada peringkat ini ada penjelasan yang

diberikan bahawa untuk Sekolah Kebangsaan Tanjong Semberong, sebenarnya mempunyai 7 buah bilik darjah, 6 bilik digunakan sebagai bilik darjah sementara, yang sebuah lagi digunakan untuk bilik gerakerja ko-kurikulum. Sekolah Kebangsaan Sri Bringin memang benar telah lama ditutup Murid-murid sekolah tersebut telah dipindahkan ke Sekolah Kebangsaan Bagan. Bangunan sekolah itu tidak ditinggal kosong dan terbiar tetapi kini digunakan sebagai sekolah agama oleh Kerajaan Negeri Johor.

Yang Berhormat Senator Tuan G. Rajoo telah menyarankan supaya tugas-tugas yang dijalankan oleh kakitangan bukan guru di sekolah-sekolah diswastakan ini semangat penswastaan sekarang, Tuan Yang di-Pertua.

Berhubung dengan perkara ini, Kementerian telahpun menjalankan rancangan menswastakan kerja-kerja pembersihan, mengawal keselamatan, mencantikkan kawasan, menyelenggarakan bangunan dan menyediakan makanan bermasak di sekolah-sekolah, maktab-maktab, politeknik-politeknik dan bahagian-bahagian di bawah Kementerian. Perkara ini sebenarnya dijalankan secara berperingkat-peringkat terutama di mana terdapat jawatan-jawatan kosong dan boleh dimansuhkan.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Zakaria bin Haji Yahya telah menyatakan kebimbangannya mengenai disiplin murid-murid di sekolah berasrama penuh yang dikatakannya sering merosakkan harta benda sekolah terutamanya pada hari akhir penggal persekolahan. Sebenarnya kami menyambut baik pandangan beliau itu bahkan semalam ada satu perjumpaan khas yang dipanggil setelah mendapat teguran daripada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Zakaria beberapa hari yang lalu mereka telah dipanggil dalam satu perjumpaan khas bagi Pengetua-pengetua Sekolah-sekolah Menengah Asrama Penuh, memberi ingatan kepada mereka bahawa perkara ini mestilah dipandang berat dan

tindakan segera dan positif mestilah diambil bahkan sepertimana yang diumumkan untuk Maktab-maktab Perguruan semua peraturan-peraturan bagi Sekolah-sekolah Menengah Asrama Penuh juga akan dirobah mulai tahun depan dimana murid-murid kena bangun jam 5.30 pagi umpamanya, sembahyang Subuh secara berjemaah, kemudian adakan latihan riadah ringkas, kemudian barulah masuk sekolah. Mudah-mudahan dengan latihan sebegini dengan kesedaran agama dan kesedaran kebangsaan yang kuat akan lahir satu jenerasi yang mempunyai disiplin dan kekuatan moral.

Jadi, kita sesungguhnya memandang berat dan serius masalah kelunturan semangat dan disiplin, kerana ianya bukan sahaja bercanggah dengan nilai sosio budaya bangsa tetapi akan menunjukkan suatu masyarakat yang rendah dari segi akhlak dan keagamaan dan akan merugikan pelaburan serta merosakkan jenerasi akan datang.

Langkah-langkah tertentu di peringkat sekolah-sekolah dan pusat-pusat pengajian tinggi bagi mengawal disiplin akan dijalankan secara berterusan. Di antaranya ialah meningkatkan perkhidmatan kaunseling, meningkatkan kecekapan guru-guru dan pengetua, mengeluarkan buku-buku panduan kursus-kursus pengurusan disiplin, gerak kerja ko-kurikulum bagi membentuk disiplin yang baik dan berwatakan yang mulia di kalangan murid-murid. Ini termasuklah apa yang telah kita umumkan iaitu satu latihan yang lebih ketat, disiplin yang lebih teratur dan pengawasan yang lebih teliti oleh pihak sekolah, jabatan dan Kementerian. Walau bagaimanapun, kami juga memohon kerjasama dari semua pihak, sokongan serta persefahaman dari Ahli-ahli Yang Berhormat supaya membantu menyedarkan masyarakat kita bahawa pengawasannya tidak hanya tertakluk di sekolah-sekolah tetapi berpunca dari faktor keluarga, pengawalan ibu bapa dan juga persekitaran.

Yang Berhormat Tuan Haji Hussein bin Ahmad meminta Kementerian supaya jangan mengambil guru-guru yang cukup umur bersara dan letih untuk mengajar. Beliau mahukan keutamaan diberi kepada pengambilan graduan-graduan muda yang segar yang kini menganggur untuk masuk Perkhidmatan Perguruan.

berhubung dengan perkara ini, Kementerian memanglah mengutamakan graduan-graduan yang menganggur dan mempunyai kelayakan untuk memasuki Perkhidmatan Perguruan. Mereka dihantar ke universiti-universiti tempatan dan maktab-maktab perguruan untuk mendapatkan kelayakan mengajar di dalam bidang pendidikan. Walau bagaimanapun, Kementerian tidak dapat menyerap semua graduan-graduan ini, kerana kelebihan guru-guru sains dan matematik dan kekurangan guru-guru dalam matapelajaran tertentu termasuk Bahasa Malaysia, bahasa Inggeris, Sejarah dan Ilmu Alam.

Kementerian hanya mengambil sebilangan kecil guru-guru yang sudah bersara, ini pun di kalangan guru-guru yang mempunyai pengalaman yang cukup baik, kerana ramai dari kalangan guru-guru yang bersara yang mempunyai keupayaan mengajar matapelajaran yang tidak dipunyai oleh graduan-graduan muda yang kini menganggur. Jadi, diberi pilihan di antara penguasaan dan pengalaman maka kita terpaksa mengambil guru-guru yang sudah bersara asalkan mereka mempunyai keupayaan, kecekapan dan pengalaman yang cukup baik dalam matapelajaran Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris terutamanya.

Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim telah menyarankan supaya kursus-kursus dan pelajaran di negara ini hendaklah dihubungkan dengan keperluan pasaran buruh dan kehendak Pelan Induk Perindustrian. Sesuai dengan hasrat untuk merapatkan hubungkait antara kurikulum latihan dan keperluan pasaran buruh, Kementerian telah membuat beberapa perubahan dan inovasi dalam kurikulum sekolah.

Kurikulum yang bercorak comprehensive, dengan izin, telah diperkenalkan mengandungi matapelajaran teras (Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Geografi, Sejarah dan Agama Islam) dan matapelajaran elektif (Seni Perusahaan, Sains Rumah Tangga, Perdagangan dan Sains Pertanian) telah diperkenalkan di sekolah-sekolah. Tujuannya ialah untuk memberi pengetahuan kognitif dan kemahiran asas yang lebih luas kepada murid-murid bagi mengikuti latihan tertentu di peringkat tertinggi.

Perubahan dan inovasi ini dibuat dengan tujuan untuk mewujudkan hubungkait yang lebih rapat antara pelajaran yang diberikan di sekolah dengan pengetahuan dan kemahiran sebenarnya yang diperlukan dalam bidang pekerjaan.

Perancangan latihan, penubuhan Jabatan-jabatan dan program baru di Pusat-pusat pengajian tempatan dibuat berdasarkan keperluan tenaga buruh semasa dan unjuran pasaran buruh pada masa hadapan termasuk keperluan Pelan Induk Perindustrian (IMB).

Yang Berhormat Datuk Nasir bin Manap membangkitkan masalah yang mungkin timbul akibat dari penangguhan KBSM. Sesungguhnya tidak siapa dapat akui bahawa sekiranya rancangan penangguhan KBSM ini diteruskan tentunya sedikit-sebanyak menjejaskan kesinambungan, penerusan, persekolahan dari Sistem KBSR ke Sistem KBSM, tetapi

penanguhan ini terpaksa dibuat:

Pertamanya kerana ada perubahan yang besar menggantikan kemasyarakatan dengan matapelajaran sejarah yang dahulu mahu ditiadakan, sekarang mahu diwajibkan,

Kedua, kerana teguran-teguran bahawa penguasaan Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah agak menurun dan ini mahu ditingkatkan. Ada lagi teguran bahawa kedudukan dan pengajaran bahasa Inggeris nampaknya kian hari kian lemah dan ini juga mahu dipertahankan. Maka kalau kita mahu memperbaiki semua kelemahan-kelemahan ini, Tuan Yang di-Pertua, tentulah kita harus lebih teliti mendengar bukan sahaja pandangan dari pegawai-pegawai Kementerian, tetapi input dari para akademik dan sarjana-sarjana di universiti-universiti, wakil-wakil Kesatuan Guru termasuklah Ahli-ahli Yang Berhormat dari Dewan Negara ini kerana ini hanya ini sahaja cara dan jalan untuk menjamin bahawa semua pihak mendokong bersama hasrat untuk mempertahankan satu kualiti dan mutu pendidikan yang cukup baik dan memuaskan di negara kita. Walau bagaimanapun, sebahagian besar dari cadangan Kurikulum Baru Sekolah Menengah ini telahpun disiapkan. Jadi, kami menjangka bahawa beberapa matapelajaran tertentu seperti Bahasa Malaysia, bahasa Inggeris, bahasa Cina dan bahasa Tamil dapat diteruskan mengikut jadual yang ditetapkan.

Ketiga, matapelajaran lain yang ada hubungannya dengan perubahan KBSR seperti Matematik. Ini dari laporan terakhir rakan-rakan Pusat Perkembangan Kurikulum nampaknya boleh diubahsuai.

Saya ingin memberi jaminan ibu bapa dan pelajar-pelajar bahkan guru-guru tidaklah harus bimbang dengan keputusan kita untuk meneliti semula dengan maksud mempertahankan kualiti dan mutu pendidikan di negara kita. Apalah ertinya kita merobah satu

kurikulum dari yang lama ke yang baru, kalau kita tidak dapat menjamin bahawa perubahan ke arah yang baru itu adalah lebih baik. Kita jangka adalah lebih baik kita pertahankan yang lama kalau kita tidak boleh menjamin bahawa kurikulum baru itu lebih baik dari yang lain.

Matapelajaran yang lain sungguhpun agak sudah lengkap masih perlu penelitian, insya Allah akan dilaksanakan mengikut peringkat-peringkat seperti mana yang telah ditetapkan sebelumnya.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, sebenarnya pelajar-pelajar KBSR yang sudah dilatih telahpun dilengkapi dengan kemahiran-kemahiran berkebolehan asas mengikut kurikulum yang sedia ada. Jika sekiranya didapati pelajar-pelajar memerlukan ubahsuaian dan bimbingan untuk membolehkan mereka mengikut matapelajaran-matapelajaran tertentu, pihak Kementerian akan mengambil langkah-langkah yang sesuai bagi mengatasi masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyambung kerana Ahli-ahli Yang Berhormat banyak menyentuh isu-isu Kementerian Pelajaran ini.....

Timbalan Yang di-pertua: Sila, Yang Berhormat.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Yang Berhormat Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya telah meminta supaya pelajar-pelajar Sekolah Rendah diberikan bimbingan dan kaunseling. Pelajar-pelajar Islam hendaklah diberi bimbingan oleh guru-guru agama supaya pelajar-pelajar lebih berminat dan dapat memupuk semangat kecintaan agama dan kecintaan terhadap negara. Kementerian akui akan keperluan meningkatkan usaha-usaha tersebut, tetapi usaha melatih guru-guru di sekolah rendah untuk menjadi guru-guru bimbingan dan kaunseling, walaupun dirasakan amat mendesak dan perlu akan memerlukan masa dan memerlukan jumlah kewangan yang mencukupi.

Tetapi oleh kerana ini adalah satu keperluan yang mendesak, insya Allah penerusan perancangan ini. terpaksa diteruskan.

Yang Berhormat Senator Tiong Hiew King mengemukakan pandangan menyokong langkah untuk meningkatkan jumlah pelajar universiti dan mengurangkan jumlah pengaliran wang keluar dengan langkah mengurangkan jumlah pelajar-pelajar yang dikirim keluar negeri. Beliau juga telah memohon pertimbangan supaya bantuan-bantuan ke sekolah-sekolah tertentu ditambah.

Saya ingin memberi jaminan bahawa permohonan-permohonan yang spesifik akan diberikan pertimbangan yang sewajarnya.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim membangkitkan tentang keperluan meningkatkan usaha dan menggalakkan hubungan dengan universiti-universiti luar apa yang diistilahkan sebagai universiti kembar ataupun dengan izin, split degree. Saya ingin menjelaskan bahawa perkara ini memang dijalankan dan sekarang ini ITM banyak mengadakan projek-projek ini disebutkan KPPITM dan ribuan pelajar dilatih mengikut skim tersebut. Ada keperluan untuk meningkatkan dalam bidang tertentu dan kursus-kursus yang difikirkan perlu. Di samping itu pihak swasta juga telah memulakan rancangan dan permohonan mereka akan diberi pertimbangan sewajarnya oleh Kementerian.

Kementerian juga telah diminta untuk mengkaji kemungkinan meluluskan permohonan penubuhan kolej-kolej swasta. Kita ingin memberi jaminan bahawa walaupun kita menggalakkan penubuhan kolej-kolej swasta supaya memberikan peluang pelajaran yang lebih kepada anak-anak kita, namun kita akan kaji supaya mutu pelajaran dipertahankan, supaya pelajar-pelajar tidak tertipu seperti mana yang terdapat dari masa ke semasa aduan-aduan mengenainya.

Mengenai cadangan beliau supaya Akta Universiti Swasta diperkenalkan, kita fikir tidaklah perlu diwujudkan universiti swasta sekarang kerana perkembangan universiti tempatan adalah pesat dan penambahan pelajar-pelajar terutamanya untuk intake, dengan izin, kemasukan pelajar untuk tahun hadapan malah amat tinggi sekali.

Yang Berhormat Tuan Haji Hussein Ahmad menimbulkan masalah penyalahgunaan dadah di sekolah-sekolah. Penyalahgunaan dadah di sekolah ini kita anggap serius walaupun tidak mengemparkan. Kenyataan ini yang telah saya buat beberapa ketika yang lalu telah menirabulkan keresahan kepada Yang Berhormat Tuan Hajt Hussein kerana beliau takut saya tidak menganggap perkara ini begitu serius.

Sebenarnya, apa yang saya maksudkan ialah bahawa masalah ini berat, tindakan harus tegas, Namun begitu janganlah kita menganggap bahawa masalah ini sudah sarapai kepada satu tahap yang harus mengemparkan kerana ini akan menimbulkan terlalu banyak keresahan di kalangan terlalu ramai orang. Tetapi kenyataan ini tidak bermakna kita harus berpeluk tubuh ataupun menganggap masalah ini dengan sambil lewa sahaja. Pada tahun 1986, 217 orang pelajar dilaporkan terlibat dalam perbuatan ini. Daripada jumlah tersebut 190 dilaporkan mencuba-cuba (experiment) dengan dadah. Dua orang disahkan penagih dan 17 orang memiliki dadah. Antara langkah-langkah yang perlu diambil dan sedang dan perlu ditingkatkan ialah untuk memperluaskan kempen anti-dadah, melalui ceramah, khidmat bimbingan, meningikan kebolehan guru-guru mengendalikan kes penyalahgunaan dadah yang berlaku di sekolah sekiranya ada dan melalui pendidikan, melalui menanamkan semangat kesedaran memperbaiki moral dan akhlak mereka dan menanamkan semangat kecintaan terhadap agama, kerana ini harus dilihat sebagai satu usaha yang menyeluruh untuk menyelesaikan masalah penyalahgunaan dadah ini.

Yang Berhormat Senator Haji Abu Bakar bin Lajim membangkitkan soal matapelajaran pendidikan kewarganegaraan. Matlamat kurikulum pendidikan kewarganegaraan ialah ke arah pembentukan ahli masyarakat dan warganegaraan Malaysia yang mempunyai sifat-sifat kerakyatan dan keperipadian selaras dengan prinsip-prinsip Rukunegara. Sebagai satu matapelajaran yang baharu, Kementerian sedang berusaha untuk memperkemaskan isi kandungan sukatan pelajaran, strategi pengajaran dan pembelajaran matapelajaran ini.

Yang Berhormat Senator Rokiah binti Zainuddin membangkitkan

persoalan mengenai Pekeliling 3/67 raengenai Guru Panduan dan Perpustakaan.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, Pekeliling Pentadbiran 3/67 memberi garis panduan, antara lain, tentang saiz kelas bagi sekolah-sekolah rendah, raenengah dan sekolah-sekolah lain dan kriteria pengwujudan jawatan guru-guru di sekolah-sekolah. Langkah awal sepertimana yang diumumkan baharu-baharu ini ialah mewujudkan lebih 6,000 jawatan tambahan kenaikan pangkat untuk guru-guru sekolah rendah dan menengah terutamanya. Ini termasuk Penyelia petang, Penolong Pengetua dan Penolong Guru Besar (2), Guru Ko-Kurikulum dan lain-lain. Cadangan-cadangan lain walaupun baik dikemukakan, termasuk masalah memperbaiki kadar kelas guru, ini semua boleh dijalankan secara berperingkat-peringkat, kerana menelan jumlah perbelanjaan yang amat tinggi dan keadaan sekarang adalah sukar untuk kita kemukakan cadangan-cadangan tambahan kerana hendak mendapatkan 6,000 jawatan itupun nampaknya letih pihak Kementerian untuk berunding dengan agensi-agensi yang berkenaan. Perkiraan perjawatan di sekolah rendah yang diamalkan sekarang adalah berdasarkan kadar baharu kelas guru iaitu sata kelas 1:5 guru. Kadar yang baharu itu telah mula dilaksanakan secara berperingkat-peringkat semenjak tahun 1982 dan insya Allah akan diselesaikan sepenuhnya di semua peringkat sekolah rendah pada tahun 1988.

Sekolah rendah juga dtbekalkan dengan guru-guru pemulihan secara berperingkat-peringkat. Sehingga kini Kementerian telah meluluskan sebanyak 2,191 jawatan guru pemulihan di seluruh negara. Sekolah-sekolah yang baharu dibuka juga akan dlbekalkan dengan seorang guru pemulihan sekurang-kurangnya iaitu untuk mengendalikan masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar yang lemah di sekolah-sekolah yang berkenaan supaya mereka tidak tersisih, terbiar

dan akan gagal dalam pelajaran mereka.

Yang Berhormat Senator Rokiah juga membangkitkan tentang Pekeliling 1/58. Saya ucapkan tahniahlah kerana Yang Berhormat Senantor ini hafal Perkeliling-perkeliling ini. Saya pun mengambil masa, Tuan Yang di-Pertua, untuk meneliti Pekeliling ini. Pekeliling 1/58 ini menyebut tentang peruntukan kerani sambllan kepada sekolah-sekolah rendah Gred 'C'. Pekeliling ada menyatakan tentang peruntukan kerani di sekolah-sekolah. Bagi sekolah-sekolah yang kecil seorang kerani sambilan diuntukkan bagi dua atau tiga buah sekolah yang berhampiran kerana kadang-kadang sekolah Gred "C" itu kecil benar dan tidak mampulah Kerajaan menyediakan satu kerani bagi sebuah sekolah. Kementerian sedar amalan yang dinyatakan itu tidak sesuai dan telahpun membuat kajian tentang perkara ini. Norma pengwujudan jawatan kosong yang lebih baik telahpun dipersetujui. Jawatah-jawatan kosong yang dimaksudkan ialah jawatan kerani, kaki-tangan makmal dan sebagainya. Dan ini dibekalkan hanya untuk sekolah-sekolah yang lebih besar. Sebagai permulaan semua sekolah-sekolah yang baharu dibekalkau dengan satu jawatan pegawai kerani dengan tidak mengambil kira bilangan murid yang terdapat di sekolah tersebut. Jawatan Jaga dau pekerja atn juga dibekalkan. Bagi sekolah menengah jawatan Pembantu Makmal dibekalkan. Yang lain-lainnya, Tuan Yang di-Pertua, tergantunglah kepada kemampuan kewangan negara dan kita berdoa ke khadrat Allah s.w.t. mudah-mudahan harga komoditi naik dengan cepatnya maka jawatan-jawatan pun bolehlah ditambah, insya Allah. Kalau tidak, terpaksaalah kita tunggu dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin menyimpulkan dengan menyatakan bahawa kami di Kementerian bertuah kerana telah diberikan perhatian, teguran, kritikan dan pandangan yang akan membantu

pelaksanaan kerja-kerja kami. Kelemahan-kelemahan yang disebutkan itu tidak akan dianggap sambil lewa, bahkan memberi panduan kepada pihak Kgmenterian untuk meningkatkan prestasinya dari semasa ke semasa. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Kesihatan, minta maaf Yang Berhormat. Sebelum Yang Berhormat menjawab, saya minta Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri membawa satu usul untuk menyambung masa mesyuarat.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAH DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah Gaddam]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan 1987 di hadapan Majlis ini diluluskan dan sebaik-baik sahaja selepas itu Majlis ini akan ditangguhkan.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan usul atas nama Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang

Perbekalan 1987 di hadapan Majlis ini diluluskan dan sebaik-baik sahaja selepas itu Majlis ini akan ditangguhkan,

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1987

Perbahasan disambung semula.

Timbalan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat untuk menjawab.

6.10 ptg.

Menteri Kesihatan [Dato' Chen Siang Sum]: Tuan Yang di-Pertua, terdapat beberapa teguran yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkataan di bawah Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom telah membangkitkan tentang keadaan hospital-hospital secara amnya serta kemudahan-kemudahan ambulans di Hospital Daerah Banting khususnya.

Kementerian Kesihatan sedar bahawa ada hospital-hospital yang lama dan lokasinya tidak sesuai lagi. Keadaan ini telah wujud oleh sebab hospital-hospital ini telah dirancang dan dibina banya tahun dahulu untuk penduduk-penduduk di masa itu dan mengguna teknologi perubatan di masa itu. Namun begitu Kementerian Kesihatan sentiasa mengkaji kedudukan sesebuah hospital dari segi tahap perkhidmatan yang disediakan supaya seimbang dengan keperluan dan jumlah penduduk dalam liputannya.

Mengenai kesesakan di hospital-hospital seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, sukalah saya nyatakan bahawa bagi tahun 1985, peratusan kegunaan katil untuk semua hospital adalah 66.7%. Bagaimanapun, peratusan kegunaan katil di Hospital-hospital Besar adalah lebih kurang 73% dan di Hospital-hospital Daerah adalah 50%. Di Hospital Daerah Batu Pahat, peratusan kegunaan katil adalah 70% sahaja. Ini menunjukkan kesesakan di hospital-hospital tidaklah begitu ketara.

Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha untuk mengurangkan kesesakan ini. Tindakan sedang diambil untuk mengkaji semula atau review, dengan izin, agihan dan kegunaan katil, bed utilisation, dengan izin, di hospital-hospital supaya katil-katil yang sedia ada di hospital-hospital berkenaan digunakan dengan lebih berkesan. Dengan tindakan ini kesesakan dapat dikurangkan. Tambahan wad juga dirancang di beberapa hospital.

Bagi Hospital Daerah Batu Pahat dan Port Dickson pula kajian telah dibuat dari segi kemungkinan pembiayaannya. Jika didapati lebih wajar dengan membina hospital-hospital baru sebagai ganti yang sedia ada, Kementerian akan mencadangkannya semasa penyediaan Rancangan Malaysia nanti. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek-projek ini adalah bergantung kepada keutamaan yang dapat diberikan berdasarkan kajian yang terperinci dan menyeluruh bagi seluruh negara dan juga keupayaan Kerajaan.

Seorang pakar perubatan telah ditempatkan di Hospital Daerah Banting. Kementerian Kesihatan masih menghadapi kekurangan doktor-doktor pakar dan pakar-pakar dalam bidang lain akan ditempatkan apabila keadaan mengizinkan. Buat sementara ini, beberapa doktor pakar dari Universiti Malaya menjalankan klinik lawatan pakar, *visiting specialist clinic*, dengan izin, di hospital tersebut.

Mengenai ambulans pula, tiga buah ambulans ditempatkan di Hospital Daerah Banting. Kenderaan-kenderaan tersebut hanya berusia 7 hingga 8 tahun. Peruntukan tambahan 1 hingga 2 buah ambulans bagi tahun hadapan telah diluluskan, insya Allah.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang telah menyuarakan harapan supaya Kerajaan memberi perkhidmatan agama bagi pesakit-pesakit di hospital khususnya di Hospital-hospital Besar.

Kementerian Kesihatan memang mengambil langkah-langkah seperti mengadakan bilik-bilik sembahyang atau surau di hospital-hospital di seluruh negara, di samping terdapat juga beberapa hospital di mana masyarakat setempat telah memberi sumbangan atau derma berupa surau atau bilik sembahyang yang didirikan di kawasan hospital. Selain itu terdapat juga kakitangan-kakitangan yang beragama Islam mengambil inisiatif sendiri untuk mengajar mengucapkan kalimah syahadah atau bacaan Yassin kepada pesakit Islam yang tenat dan tidak ada sanak saudara yang berada di samping seseorang pesakit itu.

Mengenai masalah-masalah kesihatan iaitu penyakit malaria di kawasan-kawasan perkampungan Orang-orang Asli yang diban
Yang Berhormat Tuan Hassan bin Nam, sukalah saya memaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan menyedari akan situasi ini dan memberikan pertolongan atau bantuan-bantuan yang bersesuaian serta kerjasama sepenuhnya kepada Jabatan Orang Asli untuk mengatasi masalah ini.

Di kawasan-kawasan yang boleh dihubungi dengan jalan-jalan kakitangan Kementerian Kesihatan menjalankan aktiviti-aktiviti kawalan malaria untuk mengurangkan kejadian, morbidity, dengan izin, dan kematian, mortality, dengan izin, di kalangan Orang Asli melalui:

- (a) Pengesanan kes secara aktif, active case detection, dengan iztn.
- (b) Pengesanan kes secara pasif, passive case detection, dengan izin.
- (c) Pengubatan beramai-ramai, mass drug administration, dengan izin.
- (d) Pelajaran kesihatan.
- (e) Semburan rumah dengan racun DDT tiga bulan sekali tiap-tiap rumah.
- (f) Penyiasatan kes-kes malarta, malaria case investigation, dengan izin.
- (g) Susulan ke atas kes-kes malaria, case follow-up, dengan izin.
- (h) Apabila seseorang itu telah disahkan, maka rawatan radikal kes akan diberikan kepada pesakit itu.

Saya suka juga memberitahu bahawa sebuah Rumah dan Klinik Bidan telahpun dibina di Kampung Iskandar pada tahun 1970. Tetapi oleh sebab sambutan daripada penduduk adalah tersangat kurang maka klinik ini telah ditutup pada tahun 1979 kerana tidak cost effective, dengan izin. Semenjak tahun 1979 perkhidmatan perubatan dan kesihatan ibu dan kanak-kanak telah diberi melalui klinik bergerak.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, jawapan-jawapan yang dapat saya berikan ke atas segala teguran-teguran dan masalah-masalah yang telah dibangkitkan sepanjang perbahasan atas Rang Undang-undang Perbekalan 1987 sejak 5hb Disember lalu. Teguran-teguran ini akan diberi perhatian dan pertimbangan oleh Kementerian Kesihatan dalam melaksanakan program-program yang akan dirancang.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan untuk memberi jawapan. Dipersilakan.

6.18 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Yoke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan, teguran-teguran serta juga cadangan-cadangan terhadap Belanjawan 1987. Segala pandangan dan cadangan yang membina akan diberi perhatian yang sewajarnya. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memberi beberapa penjelasan ke atas beberapa perkara utama yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan Belanjawan 1987.

Secara amnya Belanjawan 1987 telah diterima dengan baik. Walau bagaimanapun saya ingin mengulangi lagi tentang perlunya Kerajaan mengambil langkah-langkah tegas dan berani untuk mengatasi masalah ekonomi yang kita hadapi sekarang.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah menganjurkan supaya Kerajaan mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan import. Kerajaan sememangnya menyedari kesan buruk dari import yang berlebihan terhadap imbalan pembayaran negara. Dengan itu Kerajaan telahpun mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mengurangi import. Pengurangan pembelanjaan pelaburan awam dalam Belanjawan 1987 secara tidak langsung akan mengurangkan import negara. Di samping Kerajaan juga akan memastikan projek-projek yang dilaksanakan akan menggunakan lebih banyak bahan-bahan tempatan.

Ahli-ahli Yang Berhormat juga sedar yang Kerajaan telahpun melancarkan kempen "Beli Barang Tempatan" yang juga bertujuan untuk mengurangkan import negara. Selanjutnya usaha-usaha untuk meningkatkan keluaran bahan makanan dalam negeri dijangka akan dapat mengurangkan lagi import.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kenaikan kadar faedah pinjaman perumahan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin menegaskan bahawa kenaikan kadar ini dari 4% kepada 5% untuk kakitangan Kumpulan C dan dan 4% kepada 6% bagi Kumpulan A dan B,

Ialah sangat berpatutan memandangkan bahawa kadar faedah yang dikenakan oleh institusi-institusi kewangan swasta adalah jauh lebih tinggi. Kadar ini perlu dinaikkan kerana pembiayaan pinjaman perumahan telah meningkat dan berikutan daripada kedudukan kewangan Kerajaan yang merosot.

Akaun semasa Belanjawan Kerajaan Persekutuan 1986 ini dijangka mencatat defisit yang besar dan defisit ini akan menjadi lebih besar lagi dalam tahun 1987.

Pada tahun ini Kerajaan dijangkakan mengeluarkan pinjaman sebanyak \$1.5 ribu juta untuk skim pinjaman perumahan kakitangan awam dan Kerajaan terpaksa meminjam untuk membiayai skim ini. Kerajaan tidak mampu untuk meneruskan skim pinjaman ini pada tahap dan kadar faedah seperti yang ada sekarang. Sebab itulah Kerajaan terpaksa membuat perubahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kenaikan kadar faedah bukanlah bermakna bahawa Kerajaan tidak menghargai sumbangan kakitangan Kerajaan kepada negara. Kerajaan sedar mereka telah banyak memberikan sumbangan kepada negara tetapi semasa negara menghadapi masalah kewangan, semua pihak di negara ini perlulah berkorban demi kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklura, tujuan utama Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP) adalah untuk memberikan perlindungan kewangan kepada ahli semasa persaraan.

Bagi mencapai tujuan ini KWSP telah melaksanakan berbagai skim pengeluaran simpanan yang boleh dilakukan semasa sedang bekerja dan juga selepas bersara.

Pada masa ini seseorang ahli boleh mengeluarkan sebanyak satu-pertiga dari jumlah carumannya bila mencapai umur 50 tahun bagi membolehkan ahli tersebut membuat persediaan untuk bersara, Cadangan oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat untuk menurunkan had umur yang membolehkan sebahagian simpanan dikeluarkan, adalah diambil perhatian yang sewajarnya.

Ada juga Ahli Yang Berhormat yang mencadangkan supaya kemudahan pengeluaran simpanan dibolehkan untuk tujuan membaiki rumah. Ingin saya tegaskan di sini, bahawa skim yang ada sekarang diwujudkan untuk membantu seseorang ahli itu mempunyai rumah, iaitu keperluan asas semasa persaraannya. Kemudahan ini bukan bertujuan untuk membaiki rumah seperti yang telah dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan tentang kemudahan-kemudahan asas di luar bandar yang tidak mencukupi. Sebenarnya, Kerajaan sentiasa menitikberatkan kawasan-kawasan luar bandar kerana Kerajaan menyedari bahawa penduduk-penduduk luar bandar adalah terdiri dari golongan orang-orang yang miskin.

Kerajaan telahpun memperuntukkan kira-kira dua-pertiga daripada keseluruhan Peruntukan Pembangunan 1987 untuk kawasan luar bandar, bagi projek-projek seperti pertanian, pembangunan tanah dan kemudahan awam termasuklah jalan-jalan luar bandar, bekalan air dan elektrik. Kerajaan juga menitikberatkan pembaikan dalam perkhidmatan kesihatan di luar bandar. Kerajaan akan cuba mengkaji keberkesanan program-program berkenaan dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga Ahli Yang Berhormat membangkitkan supaya lebih banyak tindakan diambil untuk mengurangkan belanja mengurus. Kerajaan memang menyedari tentang perlunya agensi-agensi Kerajaan mengurangkan belanja mengurus. Ucapan Belanjawan 1987 telah menyenaraikan sepenuhnya langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan belanja mengurus dan Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil langkah-langkah selanjutnya jika keadaan ekonomi bertambah merosot. Kerajaan berhasrat untuk menghapuskan defisit semasa belanjawan, selewat-lewatnya pada tahun 1989.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan hasil Kerajaan yang kian merosot, ada Ahli Yang Berhormat mencadangkan supaya jenteta pungutan hasil Kerajaan diperkukuhkan. Usaha untuk memperkukuhkan pentadbiran dan kutipan cukai adalah merupakan tindakan yang berterusan, hanya dilaksanakan oleh Jabatan-jabatan berkaitan dengan pungutan hasil. Jabatan Hasil Dalam Negeri, umpamanya telah mengambil langkah untuk memastikan pentadbiran pungutan cukai berjalan dengan lancar, seperti sistem komputer telah digunakan dalam usaha mengemaskini maklumat mengenai pembayaran cukai. Dengan maklumat-maklumat ini, tindakan boleh diambil terhadap pembayar-pembayar cukai yang gagal membayar cukai.

Selain dari itu, skim potongan bulanan untuk bayaran cukai pendapatan bagi semua pekerja merupakan salah satu langkah untuk memperkukuhkan kutipan cukai pendapatan dari segi mengurangkan tunggakan. Potongan ini dibuat dalam masa 10 bulan sahaja, memandangkan Jabatan Hasil Dalam Negeri memerlukan masa untuk

menyelaraskan akaun berhubung dengan jumlah cukai pendapatan yang dikutip bagi sesuatu tahun taksiran sebelum akhir tahun berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Jabatan Kastam juga, tindakan-tindakan tertentu telahpun diambil untuk mempercepatkan lagi jentera pungutan hasilnya, terutama dalam bidang cukai jualan. Satu daripada langkah yang diambil selama ini ialah latihan kepada pegawai-pegawai berkenaan dalam bidang akaun dan auditan untuk menambahkan kecekapan mereka dalam taksiran cukai. Dengan pegawai-pegawai Kastam menjadi lebih terlatih dalam bidang tersebut, pengelakan cukai jualan akan dikurangkan. Untuk mempergiatkan lagi pemeriksaan akaun pelesen-pelesen, Jabatan Kastam telah juga menubuhkan unit pemeriksaan akaun di stesyen-stesyen yang besar. Unit ini akan merabuat pemeriksaan atas akaun pelesen-pelesen sekerap yang mungkin.

Selain dari itu, undang-undang cukai jualan telah juga dipinda yang bertujuan untuk memudahkan pentadbirannya, menutup kelemahan-kelemahan yang ada sekarang dan juga untuk memberi lebih kuasa kepada pegawai-pegawai penguatkuasanya dalam melaksanakan pungutan cukai. Melalui langkah-langkah ini, adalah dirasai bahawa prestasi pungutan cukai akan menjadi lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat supaya kadar cukai syarikat dikurangkan secara berperingkat-peringkat untuk menarik pelabur asing, ingin saya maklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah untuk menarik pelaburan asing dan di antaranya ialah melalui galakan-galakan cukai yang disediakan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dan Akta Cukai Pendapatan. Sekiranya

galakan-galakan cukai ini diambil pertimbangan, kadar cukai syarikat yang sebenarnya dibayar adalah lebih rendah dan setanding dengan apa yang terdapat di negara-negara jiran kita.

Ada Ahli yang Berhormat meminta supaya pengecualian cukai ~~ker~~ tas pendapatan sewa rumah yang diterima oleh seseorang pekerja yang terpaksa mengosongkan tempat kediamannya disebabkan berpindah tempat kerja dikekalkan. Pengecualian ini tidak dapat dipertimbangkan kerana penarikan pengecualian ini adalah atas dasar untuk memberi pertimbangan yang saksama kepada semua orang dan untuk mengurangkan kebocoran di dalam sistem cukai yang ada. Pertanyaan Ahli Yang Berhorraat yang mengatakan pembayar cukai yang membuat pembayaran yang lebih mendapat pulangan balik, hal ini akan diambil perhatian. Bagi pembayaran cukai yang telah membuat pembayaran lebih kredit atau pulangan balik akan dilakukan oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri dengan secepat yang mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan tahun 1987 berkurangan jika dibandingkan dengan peruntukan bagi tahun 1986 dan penyediaan kemudahan bagi jabatan-jabatan Kerajaan telah dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat. Sukalah saya menyatakan bahawa peruntukan kepada sebahagian besar Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan memang berkurangan jika dibandingkan dengan peruntukan bagi tahun-tahun sebelumnya berdasarkan kedudukan kewangan negara.

Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa berhati-hati supaya pengurangan peruntukan bagi tahun 1987 tidak akan menjejaskan prestasi Kementerian-kementerian berkenaan. Peruntukan yang disediakan bagi projek-projek pembangunan adalah berdasarkan projek-projek yang telah, dengan izin, "committed" iaitu projek-projek yang sedang dalam pelaksanaan sahaja. Bagi projek-projek yang belum lagi dimulakan, keutamaannya adalah rendah, Peruntukan yang disediakan bagi Kementerian atau Jabatan hendaklah digunakan berdasarkan keutamaan yang dibuat oleh Kementerian atau Jabatan sendiri setelah menyesuaikan dengan keperluan yang benar-benar mendesak. Berkaitan dengan pembinaan bangunan-bangunan cantik, Kerajaan telah mengambil tindakan supaya bangunan-bangunan Kerajaan tidak lagi dilengkapi dengan peralatan-peralatan yang mewah dan tidak perlu. Kerajaan juga sangat menggalakkan bahan-bahan bangunan tempatan digunakan seberapa banyak yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, adalah perlu supaya semua pihak sama ada di sektor awam mahupun swasta, dan rakyat keseluruhannya membantu pertumbuhan ekonomi negara supaya kemelesetan ekonomi yang kita hadapi pada masa ini dapat diatasi. Rakyat perlulah meningkatkan produktiviti supaya keluaran dalam negara dapat dipertingkatkan lagi. Dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu ini, sudah tentulah negara memerlukan pengorbanan dari semua pihak. Saya yakin dengan adanya kesanggupan untuk berkorban dan bekerja dengan lebih keras lagi, kita akan berjaya mengatasi kesulitan ekonomi dan seterusnya mewujudkan sebuah negara yang lebih makmur dan bersatu padu.

Buat akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin mengucapkan berbilang-bbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Belanjawan 1987 ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 53(2), Rang Undang-undang Perbekalan 1987 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya tangguhkan Dewan yang mulia ini hingga jam 2,30 petang esok, hari Khamis, 11hb Disember, 1986.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.35 petang.

[Jawapan bagi Pertanyaan No.18 hingga 24 adalah diberi di bawah ini]

HARGA BARANGAN BUATAN MALAYSIA

1. Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd.Said minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sungguhpun kita merasa bangga kerana pada masa ini banyak juga barangan buatan Malaysia dijual dalam pasaran tempatan dan di luar negeri, akan tetapi rakyat tempatan masih kurang faham mengapakah harga barangan tempatan ini terlalu tinggi, adakah pihak Kementerian bercadang memberi kemudahan atau insentif kepada pengilang-pengilang tempatan supaya mengurangkan kos pengeluaran mereka tanpa menjejaskan mutunya dan dijual kepada rakyat tempatan dengan harga yang lebih rendah.

Dato Kok Wee Kiat: Ahli Yang Berhormat, tidak semua barangan buatan Malaysia terlalu tinggi harganya. Barangan Malaysia yang berharga tinggi adalah disebabkan oleh kos pengeluaran yang tinggi. Kebanyakan pengilang kita pula tidak boleh mengeluarkan secara besar-besaran kerana saiz pasaran yang kecil, dan oleh sebab itu tidak dapat menikmati faedah ekonomi bidangan atau, dengan izin,

"Numies of scale" yang boleh mengurangkan kos pengeluaran keperingkat yang paling cekap. Walau bagaimanapun faedah ekonomi bidangan ini masih boleh dinikmati oleh pengilang-pengilang Kita sekiranya mereka meluaskan pasarannya untuk meliputi juga pasaran eksport.

Kerajaan telahpun menyediakan berbagai-bagai ,insentif untuk menggalakkan eksport dan mengurangkan duti import ke atas bahan mentah pengilangan sebagaimana dinyatakan dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Belanjawan 1986 dan 1987, Kemudahan ini adalah bertujuan antara lain, untuk mengurangkan kos pengeluaran pengilang-pengilang kita.

JAWATANKUASA AGAMA BUKAN ISLAM

19. Tuan Chan Choong Tak minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benarkah bahawa satu arahan telah dituju kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk menubuhkan Jawatankuasa Agama-agama bukan Islam dan jika benar, sama ada wakil-wakil dari Majlis Perundingan Ugama Budha, Kristian, Hindu dan Sikh telah dijemput untuk mengambil bahagian dalam Jawatankuasa tersebut. Jika tidak sila berikan alasan-alasan.

Tuan Kasitah Gaddam: Sayugia saya memaklumkan bahawa tiada arahan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk menubuhkan Jawatankuasa Agama-agama bukan Islam.

KERETAPI TANAH MELAYU - MEMAJAKKAN

20. Tuan Yusof bin Haji Mohd.Nor minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah Kerajaan bersedia untuk memajakkan Keretapi Tanah Melayu kepada mana-mana Syarikat dari luar negeri.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan bersedia untuk memajakkan Keretapi Tanah Melayu kepada mana-mana Syarikat dari luar negeri sekiranya tiada sektor swasta tempatan berminat merebut peluang ini. Ini telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam surat khabar Berita Harian dan lain-lain surat khabar pada 27 Oktober 1986. Bagaimanapun keutamaan tetap diberi kepada pelabur tempatan bagi menjalankan KTM secara komersial dalam usaha mengurangkan beban kewangan Kerajaan.

TOL LEBUHRAYA ALOR SETAR-GURUN

21. Puan Rokiah binti Zainuddin minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada beliau sedar bahawa bayaran tol bagi Lebuhraya ALor Setar - Gurun adalah tinggi memandangkan lebuhraya itu pendek sahaja dan menimbulkan banyak rungutan dari penduduk-penduduk di sekitar lebuhraya yang terpaksa menggunakannya setiap hari, adakah rancangan beliau untuk mengecualikan penduduk disekitar lebuhraya dari membayar tol atau mengurangkan bayaran tol tersebut.

Dato' S Samy Vellu: Lebuhraya Tol Alor Setar-Gurun yang panjangnya 32 kilometer adalah sebahagian daripada Lebuhraya Tol Jitra - Butterworth. Lebuhraya ini telah dibuka kepada lalulintas pada 11hb. November, 1986 dan kutipan tol yang dikenakan adalah seperti berikut:-

- | | | |
|--|---|--------|
| 1. Kereta atau kenderaan 2 gandar dan 4 roda | - | \$1.00 |
| 2. Lori atau kenderaan 2 gandar dan 5/6 roda | - | \$2.00 |
| 3. Kenderaan berat atau kenderaan yang raempunyai
3 gandar atau lebih | - | \$3.00 |

Purata kadar tol yang dikenakan itu bagi kereta ringan adalah 3. Di sekilometer dan adalah hampir sama atau kurang dari kadar tol yang dikenakan di lebuhraya-lebuhraya lain yang ada sekarang. Misalnya, purata kadar tol di Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak bagi kereta ialah 3.2 sen sekilometer, di Slim River 3.9 sen satu kilometer dan di Senai-Johor Bharu 2.8 sen.

Kerajaan tiada cadangan untuk mengecualikan atau mengurangkan bayaran tol kepada penduduk-penduduk di sekitar lebuhraya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut Akta Lembaga Lebuhraya Malaysia (Perbadanan 1980), hanya mengecualikan kenderaan-kenderaan yang tertentu sahaja.

PELABUR TEMPATAN - GALAKAN

22. Tuan Ng Ah Poi minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah rancangan dari langkah-langkah untuk menggalakkan peniaga tempatan melabur di negara ini selain daripada menarik pelaburan dari negeri asing seperti Amerika Syarikat.

Dato Kok Wee Kiat: Kerajaan memangedar dan menghargai peranan yang dimainkan oleh pelabur tempatan dalam pembangunan ekonomi Malaysia. Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk memberikan layanan yang sama kepada pelabur tempatan dan pelabur asing, dan telah mengambil berapa langkah untuk menggalakkan lebih peniaga tempatan melabur dalam sektor perkilangan. Antara langkah-langkah yang telah diambil adalah:-

- (i) Memperkenalkan galakan pelaburan yang baru di bawah Akta Penggalakkan Pelaburan 1986.
- (ii) Melonggarkan peruntukan Akta Penyelarasan Penndustrian 1975 dengan mengecualikan lesen pengilang kepada syarikat-syarikat yang mempunyai kumpulan wang pemegang-pemegang saham yang kurang daripada \$2.5 juta atau pekerja kurang daripada 75 orang.
- (iii) Pengurangan kadar tarif untuk tenaga letrik, panggilan telefon antarabangsa dan teleks.
- (iv) Menubuhkan "New Investment Fund" dan memperluaskan senarai barangan yang layak untuk skim pembiayaan semula kredit eksport.
- (v) Sebagai langkah khusus untuk membantu peniaga tempatan, MIDA telah menubuhkan daftar pelabur dan pengilangan secara kontrak, bagi membantu pada pelabur tempatan mencari rakan usahasama

yang sesuai untuk menjayakan projek cadangannya. Daftar ini juga akan membantu 'contract manufacturing'. Dengan ini adalah diharapkan bahawa lebih banyak lagi syarikat tempatan dapat mengambil alih pengilangan secara kontrak.

- (vi) Kerajaan akan terus bergiat menggalakkan peniaga tempatan untuk menyertai projek usahasama dengan pelabur asing. Untuk tujuan ini, peniaga-peniaga tempatan akan dijemput untuk menghadiri taklimat-taklimat yang diberikan oleh MIDA kepada misi pelabur asing, menyertai rombongan-rombongan galakan pelaburan ke negara-negara maju dan juga mengambil bahagian dalam seminar-seminar pelaburan tempatan.

CARUMAN KWSP - PENGELUARAN

23. Tuan G. Rajoo minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) jumlah wang yang dikeluarkan dari simpanan KWSP (Kumpulan Wang Simpanan Pekerja) untuk membeli rumah kos rendah;
- (b) jumlah wang yang dikeluarkan dari simpanan KWSP untuk membeli rumah bukan kos rendah; dan
- (c) sama ada Kementerian bercadang membenarkan seseorang ahli mengeluarkan semua simpanannya untuk membeli rumah bukan kos rendah.

Tuan Loke Yuen Yow:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skim faedah pengeluaran caruman KWSP bagi tujuan pembelian rumah kos rendah telah dilaksanakan mulai pada tahun 1977. Sejak pelaksanaan skim ini sehingga akhir bulan Oktober 1986, seramai 44,448 ahli KWSP telah menikmati faedah pengeluaran ini dan ini melibatkan pengeluaran sejumlah \$153,387,772,
- (b) Sekira pengeluaran caruman KWSP untuk tujuan pembelian rumah bukan kos rendah, telah dilaksanakan mulai 1.1.1982. Mulai dari tarikh pelaksanaannya sehingga akhir bulan Oktober 1986, sebanyak 173,109 permohonan telah diluluskan dan melibatkan jumlah pengeluaran sebanyak \$929,646,294.
- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian saya tidak ada cadangan untuk membenarkan ahli KWSP mengeluarkan semua simpanannya untuk bertujuan membeli rumah bukan kos rendah. Ini adalah memandangkan bahawa peruntukan-peruntukan pengeluaran

yang ada pada masa ini yang membenarkan seseorang ahli KWSP mengeluarkan 45% daripada jumlah kreditnya atau 20% daripada harga rumah mengikut mana yang terendah dengan had maksima \$20,000.00 adalah memadai untuk merabantu seseorang ahli KWSP memiliki rumah sendiri.

PENJENAYAH DITAHAN DI BAWAH ISA

24. Tuao Bee Yang Sek minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) bilangan penjenayah yang telah ditahan oleh pihak polis di bawah ISA (Internal Security Act);
- (b) bilangan penjenayah yang telah disingkir keluar negeri oleh Kerajaan Malaysia; dan
- (c) bilangan pengedar dadah yang telah dijatuhkan hukuman mati tetapi belum digantung mati atau sedang merayu (appeal).

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk menjawab soalan (a), sukalah saya maklumkan di sini bahawa seramai 303 orang penjenayah telah ditahan oleh polis di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri atau ISA.(Internal Security Act) sejak tahun 1985 hingga sekarang. Dari jumlah tersebut seramai 252 orang telah didakwa di mahkamah atas beberapa tuduhan seperti kesalahan berhubung dengan senjatapi.

Berhubung dengan soalan (b), sejak tahun 1973 tidak ada penjenayah yang dikenakan perintah singkir keluar negeri atau perintah buang negeri di bawah Akta 79, Akta Buang Negeri 1959 (Disemak 1972).

Bagi soalan (c), adalah dimaklumkan bahawa sejak tahun 1983 sehinggalah sekarang seramai 83 orang pengedar dadah yang telah dijatuhkan hukuman mati tetapi hukumannya belum lagi dilaksanakan.

